



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 25 BILANGAN 1

RABU 2HB JANUARI, 1980.

رابعو 13 صفر 1400

PERCHUMA

Manis-nya Iman

"KALAU kamu berta-wakkal kepada Allah dengan sa-benar2-nya neschaya kamu di-kor-niakan-Nya rezeki sa-bagaimana Dia mengor-niakan rezeki kepada burung: terbang me-ninggalkan sarang wak-tu pagi dengan perut kosong dan kembali ka-sarang waktu petang dengan perut penuh berisi." — HADITH Nabi riwayat At-Tirmizi dari-pada 'Umar.

KEAMANAN DAN KESELAMATAN MUSTAHAK

—Peruntukan keselamatan di-tambah

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan berang-kat untuk merasmikan Majlis Mashuarat Negeri kali yang ke-17 (Belanjawan) pada hari Khamis lalu.

Dalam titah itu Baginda Yang Dipertuan menjelas-kan dengan pertambahan peruntukan2 berkenaan ia-nya akan membolehkan ja-batan2 yang terlibat untuk menunaikan tugas2 mereka terhadap mempertahankan keselamatan dan keamanan negeri kita yang di-kasehi ini.

Untuk itu Baginda Yang Dipertuan menchatetkan penghargaan kepada semua anggota Pasokan Askar Me-layu Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei dan pasokan tentera Baginda Queen di atas usaha mereka berkerja-sama pada mempertahankan serta memelihara keamanan dan ketenteraman negeri ini.

Titah Baginda antara per-kara2 yang penting yang akan di-binchangkan dalam permashuaratan itu ia-lah Ranchangan Belanjawan bagi tahun 1980.

Kapada Ahli2 Majlis Ma-shuarat Negeri Baginda Yang Dipertuan mengingat-kan supaya mereka bersikap ikhlas lagi jujur pada memberikan buah pendapat serta tegoran yang mem-bena dalam mempertim-bangkan sa-suatu dalam mashuarat itu.

Yang Teramat Mulia Pa-duka Seri Duli Pengiran Bendahara juga telah ber-seru kepada jabatan2 kera-jaan, firma2, sharikat per-

Lihat muka 18

Lihat muka 15

KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan berang-kat untuk merasmikan Majlis Mashuarat Negeri kali yang ke-17 (Belanjawan) pada hari Khamis lalu.

Gambar atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himnah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permai-suara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Pemangku TYT Pesuruhjaya Tinggi British Awang Malcolm McBain; Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Di-raja Pengiran Abdul Momin; Yang Amat Mulia Pengiran Speaker; Setia Usaha Kerajaan dan Ahli2 Yang Berhormat bergambar ramai sa-telah selesai Upacara Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Negeri kali yang ke-17 itu.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

BAHARUI SERTA KUKOHKAN TEKAD DAN AZAM — Titah

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam perutusan menyambut ta-hun baru 1980 Masehi mengajak raayat dan pen-duduk negeri ini untuk sama2 membaharui serta memperkukuhkan lagi tekad dan azam masing2.

Baginda Yang Dipertuan bertitah bahawa pembaha-ruan itu di-perlukan dalam usaha melipat-gandakan te-naga pada menghadapi ser-ta mengatasi apa jua serta baratan terhadap keselamatan dan kemakmoran yang telah di-kor-niakan oleh Allah s.w.t. di-negeri ini.

Dalam titah yang di-siarkan di-saat2 awal men-jelang tahun baru pada di-nihari Selasa kelmarin, 1hb. Januari, 1980 melalui Radio dan Talivishen Brunei, Ba-ginda Yang Dipertuan ber-harap agar raayat dan pen-duduk akan terus-menerus

memberikan kerjasama yang ikhlas kerana Allah kapada Kerajaan Baginda dalam segala usaha me-ninggikan taraf hidup di-ne-geri ini.

Terdahulu dalam titah itu Baginda menyatakan shu-kor kerana dengan izin Al-lah s.w.t. jua kita sama2 dapat memasoki tahun ba-haru sa-telah menjalani ta-hun 1979 dengan selamat lagi makmor.

Dalam mengalu2kan ta-hun baru ini Baginda dan keluarga Baginda dengan sukachita menguchapkan selamat menyambut tahun baharu kepada raayat dan penduduk di-negeri ini.

"Semoga Allah akan memperlindungi kita semua dan memberkati segala usaha2 kita yang berkeba-jikan sa-panjang tahun ba-haru ini dan di-masa2 yang akan datang", titah Bagin-da di-akhir perutusan itu.

Brunei memerlukan ahli hafaz dan kira'at dari anak2 tempatan

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Kejayaan Negeri Brunei di-bidang pembachaan Al-Kor'an di-pereng-kat antarabangsa ada-lah sudah chukop jelas mem-boktikan bahawa kita mam-pu untok sama2 berganding bahu dengan lain2 pembach di-negeri2 yang sudah maju.

Akan tetapi nampak-nya kita di-Brunei pada masa ini belum lagi mampu untok mempertengahan dan mengadakan ahli2 hafaz dan kira'at dari anak2 tempatan sendiri.

Oleh itu raayat di-negeri ini ada-lah di-seru supaya

menjadikan kejayaan sa-umpama itu sa-bagai temp-at bertolak ka-arrah bukan sahaja membanyakkan lagi pembacha2 perengkat anta-rabangsa bahkan dengan berusaha sa-hingga menja-di ahli2 hafaz dan kira'at yang mashor, apa tah lagi penubohan persatuan yang julong-julong kali di-ada-kan di-Brunei akan menja-di batu asas bagi pehak ter-tentu untok membena sa-buah institusi Al-Kor'an yang lengkap istemewa de-ngan bahasa Al-Kor'an.

Ini telah di-tegaskan oleh Yang Teramat Mulia Pa-duka Seri Duli Pengiran

Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pg Muda Haji Sufri Bolkiah ketika ber-sabda sa-jurus sa-belum merasmikan penubohan Persatuan Pembacha2 Al-Kor'an Islam, (Brunei) (IQRA) dan mashuarat Agong yang pertama persatuan itu yang di-adakan di-dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-si-ni pada hari Ahad yang lalu.

Yang Teramat Mulia Pa-duka Seri Duli Pengiran Bendahara juga telah ber-seru kepada jabatan2 kera-jaan, firma2, sharikat per-



Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASMI
KEBAWAHA
NEGERI
BRUNEI

2HB JANUARI, 1980

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

BRUNEI TERUS BERKEMBANG MAJU

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, ketika bertitah di-pembukaan rasmi Persidangan Majlis Mashuarat Negeri kali ke-17 pada hari Khamis 7hb Safar, 1400 bersamaan dengan 27hb Disember, 1979 yang baru lalu mengumomkan bahawa belanjawan negeri bagi tahun 1980, ada-lah bertambah banyak-nya dari tahun2 yang lalu, sa-mata2 untuk meneruskan perkembangan kemajuan yang sa-makin ranchang di-ranchang itu.

Peningkatan hasil negara bukan sahaja memberi gambaran bahawa perkembangan kemajuan serta ekonomi yang sa-makin kukuh, tetapi juga menampakkan kemampuan yang lebeh untuk terus sendiri membangun tanpa banyak mengharap bantuan dari orang lain. Dengan kema'amoran yang di-korbankan oleh Allah kepada kita di-Negeri Brunei ini, Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan sa-lama ini telah dapat mengusahakan berbagai projek perkembangan dan kemajuan, sa-bagai mitalan: Rancangan penanaman padi sa-chara besar2-an; Projek pembinaan jalan2raya yang baru; Projek yang berkaitan dengan bekalan ayer; Tenaga letrik; Projek menambahkan kemudahan dalam bidang Talikom termasuk penggunaan hubungan satellite dengan negeri luar serta projek2 lain yang bermunafat'at lagi berkebakikan untuk raayat dan penduduk di-dalam-nya lebeh2 lagi bidang perubatan dan kesihatan dan juga pelajaran.

Rancangan belanjawan bagi tahun 1980 ini, Baginda Sultan dan Yang Dipertuan juga bertitah, ia-itu, betapa mustahak-nya Kerajaan Baginda mengangap keselamatan serta keamanan dan ketenteraman Negeri Brunei, maka dengan hal yang demikian peruntokan2 bagi jabatan2 yang berkenaan juga perlu ditambah untuk membolehkan jabatan2 itu menunaikan tugas2 mereka yang penting terhadap mempertahankan keselamatan dan keamanan bagi negeri kita Brunei yang di-kasehi ini. Hasrat atau hajat Baginda dan raayat di-satu sama2 menitik-beratkan soal2 keselamatan, keamanan dan ketenteraman bagi negeri kita yang terchinta ini ada-lah mendapat perhatian sa-lama ini. Kerana walau bagaimana pun indah-nya dan tersusun rapi-nya segala perkembangan kemajuan itu — jika tiada keselamatan, tiada keamanan dan tiada ketenteraman; segala2 perkembangan kemajuan itu tidak akan dapat di-nekmati atau tegas-nya tidak akan mendatangkan apa2 faedah. Dengan sebab itu-lah soal2 keselamatan, keamanan dan ketenteraman di-berikan perhatian berat oleh Baginda Sultan. Untuk itu Baginda Yang Dipertuan dan raayat serta penduduk di-negeri ini mari-lah sama2 menyertai Baginda bersama2 menchatatkan penghargaan kepada semua Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei; Pasokan Pulis Diraja Brunei, dan kepada Pasokan Tentera Paduka Seri Baginda Queen yang berada di-Brunei, di-atas usaha mereka bekerjasama pada mempertahankan serta memelihara keamanan, keselamatan dan ketenteraman negeri kita Brunei Darussalam yang terchinta ini.

Walau pun belanjawan negeri kita lebeh satu ribu juta ringgit pada tahun 1980 ini atau tahun2 yang akan datang, namun ia-nya tidak-lah sampai menjejaskan hasil pertumbuhan negara — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan akan bersikap lebeh berhati2 dalam mengendalikn pertumbuhan pendapatan dan belanjawan. Begitu juga Kerajaan Baginda akan lebeh berhati2 pada mengendalikn hasil bumi termasuk sumber minyak dan gas chechair asli yang merupakan satu jaminan bahawa pendapatan negara ini bukan sahaja akan di-tingkatkan serta di-pelihara, sa-balek-nya akan di-agehkan kepada raayat dengan sebaik2-nya.

PADA HEMAT SAYA....

'HILANG PUNCHA'

SUDAH jadi perkara biasa apabila tidak puas hati mengenai sa-suatu kita akan bersungut. Dan mungkin juga akan lebeh dari bersungut: kita marah2 pula!

Dalam bersungut2 dan marah2 itu selalu pula orang hilang puncha. Mak-sud hilang puncha di-sini ia-lah: tidak ketahuan lagi apa sa-benar-nya yang kita mahu dalam bersungut dan marah itu lantas hal lain pun di-babit2kan pada hal tidak kena mengena dengan puncha asal sungutan atau kemarahan.

Mengapa begitu?

Tidak-lah saya arif untuk membuat analisa kejiwaan dalam hal ini. Apa yang mungkin dapat saya kemukakan ia-lah chontoh beberapa kejadian.

SEKOLAH ANAK

Pernah sa-orang bersungut kerana pendaftaran anak-nya memasoki sekolah di-tolak. Dia kemudian marah2. Dia tidak puas hati apabila di-beritahu umur anak-nya itu tidak menepati syarat masuk sekolah sebab kurang dari lima tahun. Menurut-nya: apa-lah salah di-terima saja walau pun sedikit kurang sebab anak-nya itu sudah mahu bersekolah dan badan-nya pun lebeh kurang besar-nya dengan kanak2 umur lima tahun.

Orang itu benar2 tidak puas hati. Hampir di-satu kesempatan dia meristakan-nya. Dan biasa-nya kesempatan yang 'munasabah' bagi-nya ia-lah mana-balah orang lain juga ada dengan hal2 yang di-sungutkan. Maka dalam 'munasabah' itu macham2 hal pun di-bangkitkan. Akhir-nya terlepas chakap: "Ah! Takaduhong anak kitani, mun anak bisdia inda macham atu..."

SURAT PARKING

Sa-orang lagi bersungut pasal dia di-tagah menjelaskan bayaran parking yang sudah berbulan2 lama-nya. Dia perchaya dia telah menjelaskan bayaran-nya, dan kerana sudah lama serta surat-nya pun entah di-mana maka tidak-lah dapat dia membuktikan-nya.

Dia tidak puas hati, betul2 dia marah apabila di-beritahu dia sa-patut-nya menyimpan surat parking kalau tidak ingin masalaah seperti itu berbangkit. Dalam berbalas-balasan chakap antara-nya dengan pehak yang menuntut maka terkeluar-lah: "Apa kamu fikir surat parking atau gimat kabal maka kan di-taruh maut? Chuba tah kamu lekas2 menuntut, ani sudah berbulan2 baru tah kamu dapat ada orang inda membayari. Apa kerja kamu sa-lama ani... ganya bainambang?"

Dan seperti biasa, orang ini pun terus menerus meristakan pengalaman-nya itu apabila ada 'munasabah'. Orang lain dalam kesempatan yang sama tu-

rut pula membuboh2 sungutan masing2. Dan dalam suasana penoh sungutan itu selalu-nya akan terabit2 pula hal lain. Ada yang menyebut mital-nya: "Ah... andang-nya si-Anu atu, mun tabuat kitani berani ya, chuba kalau sama2 bisdia..."

JAMBATAN SESAK

Lagi satu chontoh: Orang yang terlibat hari2 menggunakan jambatan di-Tambing BSB bersungut kerana jambatan itu telah sempit untuk di-lalui sebab di-kiri kanan-nya ada orang berjual-jualan. Bukan itu saja, kerana dia juga orang yang kritis fikiran dan pandangan-nya maka dia melihat keadaan itu dari segi 'imej' negeri ini. Menurut-nya keadaan itu mengaibkan sebab dekat kawasan itu ia-lah tempat orang luar turun naik. Tentu ada di-an-tara orang luar itu terfikir betapa tidak terator-nya 'pasar' di-negeri ini!

Hal itu sentiasa di-mulut2-nya. Sana sini di-sa-tiap ada kesempatan yang munasabah di-bangkit2-nya. Dia tidak puas hati melihat hal itu berterusan tanpa di-amil tindakan segera mengatasi-nya.

Dan biasa-nya dalam 'munasabah' meristakan-nya itu ada juga orang lain yang sedia dengan hal2 yang di-sungutkan. Maka panjang-lah cerita. Ada yang menceritakan kaki-nya pernah tersimbit barang jualan salah sa-orang penjaja di-situ, kejadian itu menyebabkan-nya bertengkar apabila si-penaja memarahi-nya. Ada pula yang membabitkan 'kedai' di-kawasan dekat situ yang kata-nya makin menjadi2 dan menambahkan kurang lagi manis-nya negeri kita ini di-mata orang luar. Sebab itu menurut-nya patut-lah pehak yang berkenaan segera bertindak.

Dari mulut orang pertama yang mula bersungut mengenai keadaan di-Tambing itu ke-dengaran-lah chakap lebeh kurang begini: "Mana tah bisdia kan bertindak mengatasi. Anu miani kitani saja yang melihat dan merasai-nya, bisdia mana-mana tahu, bisdia mana merasai itu."

ka-pasar atau ka-kedai macham pasar dan kedai kitani ani..."

PEMERHATIAN

Begitu-lah tiga chontoh. Saya katakan tadi saya tidak-lah arif membuat analisa kejiwaan mengapa apabila terjadi tidak puas hati lalu timbul sungutan malah kemarahan, dan lantas pula terabit2 hal lain. Betul2 saya tidak mampu menganalisa-nya dari segi itu, ma'alom saja-lah.

Chuma yang dapat saya kemukakan ia-lah pemerhatian saya sa-panjang kejadian2 seperti yang di-chontohkan itu. Saya mendapati betapa orang yang bersungut atau marah2 dalam kejadian itu mudah benar kehilangan puncha lalu membabitkan hal lain.

Mungkin 'watak' dalam chontoh2 tadi terdiri daripada orang yang boleh di-katakan berfikir dan berpandangan kritis. Mereka melihat sa-suatu dari sudut yang tersendiri, dan perchaya dari sudut itu-lah letak-nya 'persoalan'.

Tapi apa mesti-kah begitu? Betul-kah sudut di-mana mereka melihat itu luas sa-kira2 mudah dan jelas kelihatan butir2 persoalan yang sa-benar?

Tak payah-lah saya menjelaskan apa yang patut dan apa yang tidak. Ma'alom saja-lah, rambut sama hitam, hati walau pun sama bentuk-nya seperti yang pernah kita lihat dalam gambar2 kesihatan dan perubatan api mungkin tidak sama 'isi'-nya.

SUDUT PERSOALAN

Mithal kata: kalau anak awda yang kurang lima tahun umur-nya tidak di-terima masuk sekolah maka persoalan-nya ia-lah syarat umur. Lima tahun itu yang di-persharatkan, dan itu sudah di-kira dan di-ukur kesesuaian-nya bagi maksud2 perancangan pelajaran sa-takat sekarang. Kerana itu walau pun anak awda sudah kelihatan besar lebeh kurang sama dengan kanak2 umur lima tahun atau lebeh maka itu tidak-lah munasabah bagi mengechualikan-nya dari syarat yang di-tetapkan itu.

"... tak payah-lah saya menjelaskan apa yang patut dan apa yang tidak. Ma'alom saja-lah, rambut sama hitam, hati walau pun sama bentuk-nya seperti yang pernah kita lihat dalam gambar2 kesihatan dan perubatan tapi mungkin tidak sama 'isi'-nya..."

Jadi awda lihat-lah persoalan sa-benar dalam kes ini dari sudut umur yang di-persharatkan. Mungkin awda tidak puas hati dan meragukan kebijaksanaan menetapkan umur lima tahun itu. Itu perkara biasa dan dapat awda kemukakan dan binchangkan sa-chara yang munasabah pula.

Kalau dari segi itu awda melihat persoalan-nya tentu awda tidak akan hilang puncha sehingga membabitkan hal lain yang mungkin tidak berasas. Dan yang penting tentu-lah awda terlepas dari menaruh sangkaan yang tidak patut terhadap sa-siapa.

Mithal kata lagi: awda dituntut menjelaskan bayaran letak kereta atau parking sa-sudah berbulan2. Persoalan-nya patut-lah di-lihat dari segi yang lain sa-lain dari apa yang awda fikirkan seperti dalam kes yang di-chontohkan tadi.

Betul, awda seperti juga orang lain tidak-lah berminat menyimpan surat bayaran parking seperti hal-nya menyimpan azimat. Tetapi ia-nya mustahak dan itu-lah saja yang dapat di-terima sa-bagai keterangan jika awda telah benar2 membayari-nya. Pehak yang membuat tuntutan mungkin terlewat menuntut tapi itu tidak sa-mesti-nya mereka tidak bertugas dengan betul.

Persoalan-nya ia-lah awda tidak dapat mengemukakan surat bayaran yang pada anggapan awda tidak sa-penting azimat kebal. Salah siapa-kah itu?

Mungkin awda tidak puas hati mengenai chara bekerja pehak2 yang menuntut itu. Itu biasa saja dan boleh awda ristakan kepada mana2 yang berkenaan sa-chara yang berpatutan. Tentu itu dapat menolong awda dan orang lain juga dari terus menerus bersungut atau marah2 sa-hingga hilang puncha lantas bertengkar begitu.

Begitu-lah juga mital kata seperti dalam kes tidak puas hati melihat keadaan jambatan tempat lalu lintas yang berpapak2 pula dengan orang berjaja di-kiri kanan-nya. Fikiran dan pandangan awda dapat di-kira baik apabila awda melihat-nya dari sudut menjaga imej negeri kita di-mata orang luar.

Sayang-nya awda berlarutan menjadikan-nya buah mulut asal saja ada kesempatan yang awda kira munasabah, maka itu-lah akhir-nya awda mudah sampai kepada kesimpulan yang membabitkan hal lain yang tidak patut.

Mengapa mesti begitu? Kalau persoalan sa-benar dapat awda tanggap permasa'alahan-nya saya kira bukan itu sa-patut-nya 'komen' awda. Tapi begitu-lah, awda rupa-nya telah hilang puncha.

KIRA MENGIRA

Demikian-lah mengenai bersungut dan marah2 apabila kita tidak puas hati. Mungkin si-apa2 pernah sama merasakan begitu terhadap sa-suatu perkara. Yang berbeza ia-lah dari sudut apa dan mana kita melihat persoalan-nya.

Jika kita mengira $2 \times 2 = 4$, maka 4 itu boleh juga di-dapati dengan chara mengira $5 - 1 = 4$; atau pun $2 + 2 = 4$; atau pun $3 + 1 = 4$ dan begitu-lah seterusnya. Maka pada hemat saya, dalam berfikir dan menchiri satu2 persoalan atau menilai satu2 persoalan ada berbagai jalan boleh dibuat. Soal-nya ia-lah chara-nya yang sesuai lagi tepat sa-kira2 kita jangan kehilangan puncha yang kerana-nya kita mudah bersentimen. — Ketua Pegawai Penerangan.

MCP 1A

KERAJAAN BRUNEI

Peratoran2 Lalu-Lintas (Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan) (Tempat Letak Kereta), 1972

RESIT MELETAK KERETA

Tuan-punya/pemandu kereta yang tersebut di-bawah telah membayari bayaran2 yang di-tetapkan dan di-benarkan meletak kereta tersebut dalam petak meletak kereta bagi tempoh yang di-nyatakan.

TEMPAT MELETAK KERETA	(1)
NO. KERETA	5396
NO. PETAK	22
DARI	100 PAGI
HINGGA	1200 PETANG
BAYARAN DI TELAKKAN	30 sen
TARIKH	7/1/80

No. 874221

Di-terima oleh

AWDA jarang berminat menyimpan "resit meletak kereta" seperti gambar ini, tetapi Awda pasti memerlukan-nya sa-bagai bukti pembayaran telah di-buat.



YANG Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin menyembahkan titah kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang kemudian-nya Baginda lafadzkan di-Majlis Perasmian Majlis Mashuarat Negeri pada hari Khamis lalu.

BERBAGAI2 JENIS PROJEK PERKEMBANGAN KEMAJUAN TELAH DI-USAHAKAN — titah

SEGALA puji2an bagi Allah Subhanahu Wata'ala, dan selawat serta salam bagi Junjongan kita Nabi Muhammad Sallallahu'alaihi Wasallam serta pengikut2 dan sahabat2 Baginda yang ta'at setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, dan Ahli2 Yang Berhormat sekalian.

Beta bershukor Kehadharat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua, Majlis Mashuarat Negeri Brunei dapat mengadakan Sidang Permasuaratan Kali Yang Ke-17 pada hari ini. Saperti juga di-Persidangan tahun2 yang lampau, di-antara perkara2 yang penting yang akan di-bincangkan oleh Majlis ini ialah Rancangan Belanjawan Negeri bagi tahun 1980. Sa-bagaimana Ahli2 akan dapat melihat nanti, bahawa dengan kornia

BERIKUT ia-lah titah seponoh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika merasmikan Majlis Mashuarat Negeri pada hari Khamis 27hb Disember yang lalu.

Allah jua, hasil-mahsul Negeri kita Brunei Darus Salam ini bagi tahun 1979, dan sa-bagaimana yang di-anggarkan bagi tahun depan, Insha Allah, ada-lah bertambah banyak-nya dari di-tahun2 sa-belum ini. Dengan ada-nya kemakmoran yang di-korniakan oleh Allah kepada kita di-Negeri Brunei ini, Alhamdulillah, kita sa-lama ini telah dapat mengusahakan berjenis2 projek perkembangan dan kemajuan, sa-bagai mithalan, Rancangan Penanaman Padi Sa-chara Besar2an, Projek Pembinaan Jalan2 Raya yang baru, projek2 yang berkaitan dengan Bekalan Ayer dan Tenaga Elektrik, dan projek menambahkan kemudahan2 dalam bi-

dang talikom termasuk penggunaan hubongan satelite dengan negeri2 luar, dan projek2 lain yang bermunafaat kepada negeri serta raayat dan penduduk di dalam-nya saperti dalam bidang kesihatan dan perubatan, keugamaan dan pelajaran dan yang lain2 lagi.

Di-samping itu, Ahli2 akan dapat melihat dalam Rancangan Belanjawan bai Tahun 1980, betapa mustahak-nya Kerajaan Beta menganggap keselamatan serta keamanan dan ketenteraman Negeri Brunei, maka dengan yang demikian peruntukkan2 bagi Jabatan2 yang berkenaan dengan keselamatan dan ketenteraman juga perlu di-tambah untuk membolehkan Jabatan2 itu menunaikan tugas2 mereka yang penting terhadap mempertahankan keselamatan dan keamanan Negeri Brunei yang kita kasehi. Dalam per-

kara ini, Beta ingin menchatetkan penghargaan kepada semua Anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Pulis Diraja Brunei, dan kepada Pasokan Tentera Paduka Seri Baginda Queen yang berada di Brunei, di-atas daya-usaha mereka bekerjasama pada mempertahankan serta memelihara keamanan dan ketenteraman negeri kita Brunei Darus Salam.

Beta ingin mengingatkan kepada Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri, bahawa dalam mempermbangkan sa-suatunya yang di-bincangkan dalam Majlis ini nanti, hendak-nya-lah Ahli2 bersikap ikhlas lagi jujor pada memberikan buah pendapat serta tegoran yang membena.

Akhir-nya, Beta dengan ikhlas berharap bahawa dengan kebijaksanaan Yang Amat Mulia Pengiran Speaker memperkerusi Majlis ini, serta dengan kerjasama yang jujor dari Ahli2 Yang Berhormat sekalian, maka Persidangan yang akan di-adakan mulai hari ini akan berjalan dengan lancar dan akan menghasilkan kebijakan kepada Negeri Brunei serta segala isi di-dalam-nya.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarkatoh.

ADA-LAH suatu perkara yang sungguh mengembirakan bagi diri saya kerana dapat menghadapkan satu Belanjawan ketika ini tanpa diri saya terpaksa menjadi sa-orang pembawa khabar mengenai dengan kenaikan2 chukai, kenaikan2 kewangan, kenaikan2 pertukaran-wang serta lain2 langkah yang tidak begitu selesa untuk menolong menyembuhkan penyakit2 ekonomi. Masaalah2 kewangan, belanjawan dan masaalah2 perdagangan telah timbul dalam kebanyakan negara2 di-dunia di-sa-panjang tahun yang berkenaan kian menjadi bahan2 bachean yang menggundahkan hati. Kadar2 inflasi dalam dua angka, rosotan2 perdagangan, kadar2 penganggorean yang tinggi dan kurangan2 imbalan bayaran merupakan masaalah2 yang sudah lumrah kepada kebanyakan negara. Ketidak-upayaan negara2 maju untuk melepaskan diri dari kesulitan2 rosotan ekonomi mereka telah mengakibatkan keadaan yang tetap tidak berubah kepada ekonomi negara2 yang lebih kecil dan sa-seorang itu tidak-lah akan dapat membuat satu tinjauan masa depan yang terdekak terhadap kedudukan ekonomi dunia tanpa merasakan kesukaran yang akan munchol.

Bagaimana pun, di-Negeri Brunei ekonomi-nya terus di-kuasai oleh perusahaan2 minyak dan gas dan kenaikan2 dalam harga pasaran bahan2 dagangan ini telah dapat memastikan yang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan dapat meneruskan perlaksanaan ranchangan2 untuk kema-juan dan pentadbiran yang baik untuk Negeri Brunei

BERIKUT ia-lah bahagian pertama ucapan Pegawai Kewangan Negara, Yeng Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee ketika membentangkan Rang Undang2 Perbekalan Negara bagi tahun 1980 di-Majlis Mashuarat Negeri.

Ucapan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara ini akan di-sambongan minggu depan.

ini tanpa mengadakan sa-barang sekatan kewangan yang tidak sewajar-nya.

Nilai barang2 eksport adalah jauh melebihi nilai barang2 impot dan terdapatlah satu lebehan imbalan perdagangan yang sangat besar. Keluaran Kasar Dalam Negeri yang di-anggarkan bagi tahun 1979 menunjukkan satu kenaikan sa-banyak 12.7 peratus melebihi angka bagi tahun 1978 dan dalam tempoh lima tahun yang lalu kenaikan sa-chara purata ia-lah sa-banyak 9.4 peratus menurut harga2 tahun 1974 dan sa-banyak 18.4 peratus menurut harga2 pasaran. Bagaimana pun, minyak dan gas merupakan 88 peratus dari Hasil Kasar Dalam Negeri menurut harga2 pasaran dan Kerajaan sungguh berhasrat untuk menghasilkan pertumbuhan dalam sektor2 yang lain. Meskipun usaha memperanekakan ekonomi sa-demiikian tetap menjadi satu tujuan utama, hal ini perlu sa-bagai tambahan kepada perusahaan minyak dan gas. Tidak ada satu pun sumber2 asli lain Negeri Brunei yang mungkin di-perkembangkan sa-hingga ia-nya dapat menandingi hasil2 yang dapat di-perolehi dari perusahaan minyak dan gas. Namun demikian sa-lain dari minyak, Brunei ada mempunyai banyak kelebihan yang mengatasi negeri2 lain yang sama besarnya dengan Negeri Brunei dan pertumbuhan ekonomi ada-lah mungkin terchapai di-lain2 bidang dengan

menggunakan kekayaan hasil minyak kita dengan chara yang bijaksana. Bahaya kurang-nya kegiatan2 yang di-jalankan akan senantiasa wujud lantaran rasa puashati dengan keadaan, namun Kerajaan akan terus menggalakkan usaha2 baru serta pembentukan sa-buah masyarakat yang chergas, berkembang-maju dan penoh semangat sa-bagai hasil dari usaha2 itu.

Di-sa-panjang tahun penghasilan minyak dan gas chechair asli sa-chara purata ada-lah lebih dari 250,000 tong sa-hari dan ada kemungkinan hal ini akan berterusan di-sa-panjang tahun hadapan. Pada masa ini terdapat satu kekurangan bekalan minyak di-dunia dan tidak-lah ada sebarang kesulitan dalam mendapatkan pembeli2 menurut harga2 pasaran yang tinggi dewasa ini. Hasil pendapatan yang berikutan-nya di-nekmati di-sa-panjang tahun ini sudah sa-harus-nya-lah akan berkekalan di-sa-panjang tahun 1980. Di-samping itu pula penjualan gas chechair asli telah di-teruskan menurut kontrak jangka-panjang dan ada-lah juga telah terbokti yang harga bahan ini boleh di-naikkan untuk menyelaraskan-nya dengan harga2 tenaga yang terdapat dewasa ini. Meski pun hanya terdapat sa-buah sharikat yang menghasilkan minyak di-negeri ini, namun dua buah sharikat lain yang telah di-berikan konsesen menchari-gali minyak sejak beberapa lama dulu kini

melahirkan niat mereka untuk memulakan sa-mula usaha menchari minyak di-kawasan2 yang di-untukkan kepada mereka, yang dengan demikian kawasan2 darat dan laut negeri ini yang maseh belum pernah di-eksplotasi akan terus di-usahakan bagi pencharian minyak.

Kerajaan telah terus mengekalkan dasar-nya pada memberikan bantuan subsidi untuk perkhidmatan2, kemudahan2 umom, bahan2 makanan yang tertentu dan minyak jentera dengan tujuan yang telah jelas ia-itu supaya dapat mengawal kadar inflasi serta akibat2-nya yang tidak di-ingini itu. Bagaimana pun untuk mengekang kesan2 inflasi di-negeri2 lain yang masuk ka-negeri ini melalui barang2 dan perkhidmatan2 yang di-impot dari negeri2 itu adalah tidak mungkin dan hal ini telah menimbulkan kesan ka-atas perbelanjaan sara hidup di-Negeri Brunei. Di-masa2 lalu belum-lah lagi dapat di-keluarkan perangkaan2 yang tepat, tetapi dalam tahun 1977 satu Kajian Perbelanjaan Keluarga yang lengkap yang meliputi tempoh sa-lama satu tahun penoh telah di-jalankan dan maklumat2 yang di-perolehi telah membolehkan satu penilaian yang munasabah terhadap kumpolan2 butiran perbelanjaan supaya di-susun dan juga maklumat2 itu merupakan satu asas dengan mana perbelanjaan sara hidup di-tahun2 hadapan akan dapat di-ukor. Angkatunjak Harga Ba-

rang2 Pengguna dalam bulan Ogos, 1979 menunjukkan satu kenaikan sa-banyak 13.2 peratus melebihi yang terdapat pada bulan Ogos, 1977.

Kerajaan telah meneruskan dasar-nya pada memberikan pinjaman2 mudah kepada mereka2 yang ingin memajukan usaha2 perniagaan kecil-kecilan yang mana kalau tidak demikian mereka tidak akan dapat perolehi melalui saloran2 bank komersial biasa. Pinjaman sademikian ada-lah di-proses oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi dan ada banyak terdapat tanda2 yang menunjukkan bahawa ranchangan pinjaman ini akan membolehkan banyak kedai2 runchit kecil-kecilan dan perkhidmatan2 kemudahan, yang kecil tetapi mustahak, supaya di-tubuhkan dengan jaya-nya, terutama sekali di-kawasan2 luar bandar.

Perkhidmatan talivishen berwarna telah di-teruskan dengan pertambahan sa-chara beransoransor ranchangan2 yang mengandongi unsur2 tempatan. Bayaran2 lesen untuk perkhidmatan ini tidak di-kenakan dan seluruh perbelanjaan-nya di-tanggung oleh negara. Ranchangan dengan mana Kerajaan menyediakan kewangan tanpa di-kenakan faedah kepada sa-buah dari bank2 komersial tempatan supaya membolehkan orang ramai mendapatkan pinjaman2 murah untuk membeli peti2 talivishen sekarang hampir selesai. Wang2 pinjaman yang bernilai Br\$25,750,000 telah pun di-buat dan dengan chara ini perkhidmatan talivishen dapat-lah di-nekmati oleh semua orang dengan perbelanjaan yang paling minima kepada mereka.

Penerbangan Diraja Brunei sekarang telah pun menjalankan perniagaan-nya sa-lama 4½ tahun dan banyak-nya bilangan penumpang2 yang di-bawa-nya menunjukkan peri bertambah-nya keinginan orang ramai untuk belayar dengan mengguna-

kan kapalterbang. Pesawat udara yang di-jadual akan memulakan perkhidmatan-nya dalam bulan Mach 1980 nanti akan membolehkan Penerbangan Diraja untuk memenohi permintaan2 yang sa-makin bertambah bagi pengangkutan barang2 melalui udara dan pada masa yang sama kapalterbang itu boleh di-ubahsui dan di-gunakan sa-bagai pembawa penumpang2. Penerbangan ini belum-lah lagi menchapai kedudukan perniagaan yang tidak untong tidak pula rugi, namun demikian peri nilai-nya perkhidmatan2 yang terdapat sekarang ini ada-lah di-akui dan Kerajaan bermaksud untuk mengekalkan taraf2 kendalian dan pemeliharaan yang tinggi yang terdapat masa ini dengan mengenakan kos yang sa-rendah2-nya yang mungkin kepada para penumpang.

Lembaga Matawang Brunei terus mengeluarkan wang2 kertas dan shiling tanpa perlu mengubah parti yang telah wujud sejak matawang itu mula2 di-keluarkan dalam tahun 1967. Jumlah matawang yang dalam edaran ia-lah sa-banyak \$124 juta dan ia-nya sa-chara langsung di-jamin oleh laboran2 Brunei di-seberang laut yang berjumlah 108 peratus dari angka tersebut dan juga oleh simpanan2 lain negeri ini yang mana memberikan sokongan yang jauh berlipat kali ganda banyak-nya. Berikutan-nya, matawang ini terus dalam keadaan yang stabil dan sudah sa-patut-nya-lah akan berkekalan dalam keadaan sa-demiikian. Pengaturan saling-pertukaran dengan Pehak Berkuasa Kewangan Singapura maseh tetap tidak berubah. Tidak ada terdapat wang2 shiling yang di-keluarkan untuk pemungut2 wang shiling dalam tahun ini oleh kerana dasar Lembaga Matawang ia-lah untuk memperingat peristewat2 tertentu yang penting kepada Negeri Brunei dan bukan-nya membuat keluaran2 wang shiling yang bertujuan untuk memungut hasil pendapatan.

Minyak dan gas sumber utama hasil negeri ini

ADA pun menyekat umat Islam dari berkahwin lebeh dan dari beranak maka menurut umom nas Al-Kor'an dan hadith dan juga amalan umat Islam yang menyuruh menggemarkan berkahwin lebeh dari satu dan beranak berketurunan, ada-lah bid'ah. Dan bid'ah neraka tempat-nya sa-bagaimana hadith yang di-riwayat oleh empat sahabat dan telah di-riwayatkan lebeh dari dua puluh dua tareq daripada empat sahabat itu ia-itu:

كُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ

Saperti yang tersebut dalam Isharat al-Maram min 'Ibrarat al-Imam (Abi Hanifah) oleh Al-Bayadhi, dan juga dalam hadith Al-Arba'ien An-Nawawiyah.

KONGERES

Menurut keputusan Kongres Pertubuhan Rabetah al-'Alam al-Islami yang berpusat di-Mekah, dalam sidang-nya bulan Zulke'dah 1394 di-Mekah, satu daripada-nya berbunyi:—

"Kongres ini telah mengkaji perkara birth control atau menegah dari beranak sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh sa-tengah2 penganjur-nya, dan anggota Kongres ini telah sa-kata bahawa preka2 fikiran itu hanya hendak menipu umat Islam dengan ranchangan-nya itu. Dan orang2 Islam yang mengalu-alukan fikiran itu telah masok dalam perang-kap yang di-pasang oleh mereka itu. Kira-nya menyekat beranak itu berhasil — barang di-jauhkan Allah, akan menimbulkan berbagai2 benchana yang burok dari segi siasah, ekonomi, pergaulan dan pertahanan umat Islam.

"Dan banyak fatwa telah di-keluarkan oleh banyak ulama' yang terkemuka dan yang di-perchayai serta di-iktimadkan ilmu mereka dan ugama mereka dengan mengatakan haram akan perkara menyekat beranak atau birth control dan ia berlawanan dengan ugama Islam.

"Sa-sunggoh-nya ulama Islam telah ijma' bahawa tujuan2 ugama Islam pada nikah itu ia-lah beranak pinak. Dan hadith2 yang sahah yang banyak daripada Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) bahawa perempuan anak itu lebeh baik daripada perempuan mandul kerana menurut sabda Baginda—(terjemahan-nya: "Kamu kahwini-lah perempuan yang peranak. Saya berbangga dengan ramainya bilangan kamu pada hari kiamat di-hadapan umat2 Nabi yang dahulu kala."

"Dan ahli2 feqah Islam ia-itu ulama' feqah tiada-lah ada bersalahan2 pendapat bahawa mengugorkan kandungan anak sa-telah ia jadi dari ayer mani nutfah ada-lah ia suatu perkara mencheruboh hukum Allah dan ada-lah suatu perbuatan haram, termasuk ia dalam firman Allah yang melarang (tafsir-nya): "Dan jangan-lah kamu membunuh anak2 kamu kerana sebab takutkan papa dan takut habis harta kamu. Kita menjamin rezeki kamu dan memberi makan kapada anak2 kamu itu."

"Birth control itu suatu jenis membunuh anak hi-dup2 (al-wa'du) yang telah berlaku pada zaman jahiliyah dahulu, dan kebanyakan ulama' telah berkata haram mengugorkan ayer nutfah sekali pun belum jadi kandungan.

"Dan telah thabit menurut ilmu kedokteran bahawa menggunakan ubat2

mengugorkan anak atau menegah dari mengandung itu mendatangkan benchana besar kapada ibu2 atau kapada anak2 mereka apabila ubat2 itu tiada dapat menegah mengandung dan ibu2 itu beranak.

"Dan tiada-lah di-iktibar atau di-pandang akan sebab2 yang tuhor yang di-datangkan oleh penyokong2 birth control saperti mereka takut dari banyak pendudok, dan takut dari tiada chukop makanan, dan dari tiada dapat mendidik anak2 dengan betul, kerana ayat Al-Kor'an telah menjawab akan fikiran2 tuhor itu saperti firman Allah (نحن نرزقهم وإياكم)

— Allah menjamin dan menanggung rezeki — Dan kekayaan bumi ada-lah sangat banyak di-dalam negeri2 Islam dan peluang2 bekerja ada-lah luas serta tanah2 bagi menempatkan pendudok ada-lah saujana. Firman Allah (ومن يتق الله يجعل له مخرجا ويرزقه من حيث لا يحتسب)

Tafsir-nya: "Barangsiapa takutkan Allah neschaya Allah akan beri ia suatu jalan keluar dan keluasan dari kesempitan. Dan neschaya Allah beri rezeki kapada-nya dari arah yang ia tiada sangka sama sekali" — Al-Baidhawi.

"Kemudian bahawa ranchangan dan fikiran menyekat beranak ada-lah suatu perkara mencheruboh ugama Islam, mencheruboh di atas kebebasan orang2 Islam (yang di-seru oleh Islam supaya berkahwin halal), dan mencheruboh di atas hak asasi manusia (yang telah di-korniakan anggota beranak dan kekayaan). "Maka Persidangan atau Kongres ini susah hati dan dukachita ketika mengetahui sa-tengah negeri2 Islam telah terpedaya daripada fikiran yang menipu itu, dan

negeri2 itu telah menggalakkan fikiran menyekat beranak serta membenarkan di-jual ubat2 yang mengugorkan anak atau menegah hamil di-kejai2 dan di-pasar di-negeri2 itu. Padahal mereka mengetahui betul bahawa seteru mereka Zionis telah memasokkan dari segala penjuru dunia orang2 sampah sarap bagi menggalakkan (memajukan) negeri2 'Arab yang di-ram-pas oleh mereka, sa-bagaimana kerajaan2 yang besar saperti negeri Peranchis tiada memadai dengan menggalakkan pendudok-nya beranak banyak bahkan pula ia membuka pintu kapada lain2 bangsa supaya menjadi raayat Peranchis.

"Maka Kongres ini berpesan (memberi mandat) kapada Pejabat Setia Usaha Agong Pertubuhan Rabith, di-Mekah bagi mengambil langkah2 yang munasabah untuk menentang fikiran yang salah itu dan menolak benchana-nya.

TIGA PULOH TIGA NEGARA

Demikian itu pendapat ulama' dan pemimpin umat Islam dari tiga puluh tiga negara Islam yang bersidang di-Mekah yang mengandongi berbagai2 jawatan-kuasa, satu daripada-nya Jawatankuasa Fiqah dan Hukum Islam dan Kebudayaan.

Oleh yang demikian, apabila hukum Islam mengharamkan fikiran menyekat beranak, dan perbuatan menyekat beranak atau birth control itu berlawanan dengan Islam dan bid'ah dalam Islam serta sesat dan laknat Allah menurut ayat2 Al-Kor'an, maka sudah tentu-lah tiada akan ada sa-barang ayat Al-Kor'an pada mengamalkan perkara yang salah, kerana ayat Al-Kor'an tiada akan berlawan dengan hukum Islam sebab ia asas ugama Islam.

GANGGUAN KAHWIN

Ada pun mengganggu orang hendak kahwin de-

ngan meletakkan sharat2 yang tiada pernah di-buat oleh Rasulullah dan sahabat dan orang2 salaf dahulu dan orang2 khalaf daripada umat Islam ada-lah suatu perkara mencheruboh perkara nikah kahwin yang telah ijma' halal dan nyata sah dan mudah di-dalam Islam.

Dan perbuatan mengganggu itu ada-lah bid'ah dan menurut dan berkelakuan saperti kelakuan Luther dan Calvin yang hendak membaiki ugama Keristian yang telah di-ubah dan di-pinda oleh orang Keristian daripada ugama Nasrani yang asal tulen yang ada pada shari'at Nabi Isa ('alaihi salam), ia-itu sa-umpama tikus membaiki labu.

Kemudian, orang2 yang mengganggu nikah kahwin orang2 Islam membiarkan segala maksiat, hiburan luhah dan menjamu segala pelanchong dengan segala rupa lahur dan kemewahan serta bersenangan kerana merebutkan harta dunia yang fana' itu samada halal atau haram.

Mereka meletakkan sharat2 yang berat pada kahwin berbilang2 isteri. Mereka meletakkan ta'aliq yang berat pada nikah kahwin orang Islam. Mereka menyoal lelaki yang hendak kahwin lebeh itu samada dia berdaya memberi nafkah dan sa-bagai-nya dari perkara2 yang karut itu. Mereka menyekat tiada boleh kahwin melainkan sudah berumur 18 atau 21 tahun.

Pada hal Nabi (sallallahu 'alaihi wassalam) menyuruh sahabat yang hendak berkahwin itu bawa sa-barang chinchin sekali pun sa-bentuk chinchin dari besi untok di-jadikan maskahwin dan mahar, dan sekalipun maskahwin daripada mengajar ayat2 Al-Kor'an kapada isteri yang hendak di-kahwini itu saperti dalam hadith2 dengan tidak payah bertanya: kamu ada-kah berlaku adil kapada isteri kamu; atau ada-kah kamu boleh beri nafkah jika ia jadi isteri kamu. Padahal Rasulullah sudah menge-

tahui orang itu tiada mempunyai yang lain sa-lain hanya sa-helai kain untok diri-nya dan tiada dapat memberi chinchin besi, hanya ia dapat mengajar beberapa surah dari Al-Kor'an.

Dapat-lah di-bandingkan bagaimana perbuatan Rasulullah dengan perbuatan orang2 yang mengada2kan gangguan itu. Mereka itu sa-olah2 chemburu akan nikah kahwin orang2 Islam Ada-kah begitu pula chemburu mereka pada maksiat dan larangan Allah yang dilanggar oleh orang dan di-buat selamba oleh manusia?

HUKUM ALLAH TIDAK BOLEH DI-DEMOKRASIKAN

Ugama Islam ugama Allah, dan sa-bagaimana kata ulama': ia-lah hukum2 yang telah Allah terangkan melalui lisan Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wassalam). Ini erti yang ringkas. Ada pun erti ugama Islam dengan panjang ia-itu suatu perkara yang telah di-hantarkan oleh Allah yang akan membawakan orang2 berakal waras, dengan ikhtir dan pilihan mereka sendiri yang terpuji kapada memilih akan kebajikan yang kekal dan berdamping dengan Tuhan Khaliqul 'Alam.

Ada pun ulama' hanya menerangkan hukum2 Allah itu dengan berdalil mengikut kaedah yang di-dapati daam shara' atau ugama, saperti yang di-sebutkan oleh Al-Allamah Al-Baijuri di-dalam Al-Jauharah. Ini berbedza sekali dengan undang2 yang di-chipta oleh manusia mengikut akal dan muslihat manusia di-mana2 satu tempat itu dengan tiada mengambil dan merai-kan hukum2 Allah itu. Kerana itu-lah undang2 manusia kena pinda dan ubah dari satu masa ka-satu masa. Hukum2 Allah tiada-lah berubah atau tiada boleh di-pinda2 mengikut kehendak dan fikiran manusia.

Firman Allah Ta'ala dalam Suratul An'am, ayat 116-117:

وَأَنْ تَطْعَمَ أَكْثَرَ مِنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ أَنْ تَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَأَنْ هُمْ إِلَّا مَخْرُصُونَ أَنْ رَبِّكَ هُوَ عَلِيمٌ بِمَا يَصْنَعُونَ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ عَالِمُ بِالْمُتَعَدِّينَ

Tafsiran-nya: "Jika kamu ikut kebanyakan orang di-muka bumi ini, neschaya mereka menyesatkan kamu dari jalan dan ugama Allah. Mereka hanya membuat teka dan agak2 jua. Bahawa Tuhan kamu lebeh mengetahui siapa orang yang sesat dari ugama Allah dan ia mudahkan dia pada jalan sesat. Dan Allah tahu akan orang yang mendapat petunjuk maka ia mudahkan dia pada jalan petunjuk dan ugama Allah".

Dalam ayat ini Allah mencheritakan bahawa kebanyakan pendudok bumi ini sesat, orang2 dahulu dan orang2 sekarang. Mereka bukan dalam yakin, hanya dalam chongak2, bohong dan sangkaan serta teka jua. Maka kamu ya Rasulullah tiada akan dapat menjadikan kebanyakan mereka menjadi orang Islam: (Ayat 103, Surah Yusuf)

وَمَا أَكْثَرَ النَّاسِ وَلَوْ حَرَصْتَ بِمُؤْمِنِينَ

Maka orang2 yang hendak menyekat berkahwin lebeh, menyekat beranak, menyekat umor berkahwin dan membuat helah dalam talak dan memberatkan ta'aleq2, dan dengan nafkah2 yang luar dari hukum Allah Ta'ala dengan mendatangkan berbagai2 sekat dari otak dan teka2 serta sangkaan mereka — ada-lah mereka itu sesat menurut ayat Allah ini.

Dan sangkaan bahawa hukum Allah boleh 'di-demokrasi-kan' dan boleh di-am-bil suara ada-lah tetap sesat dan kechewa.

WALLAHU A'ALAM

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YOM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) Pehin Datu Seri Maharaja, D.N., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.S., P.H.S., P.I.S., Ashar dan U. Celro, Mufti

IKHLAS ADA-LAH SIFAT MULIA

IKHLAS ada-lah sifat yang mulia dan terpuji yang samesti-nya kita warithi dari Nabi kita Muhammad s.a.w. Allah pernah berfirman yang ditunjukkan khas kepada nabi kita Muhammad s.a.w. supaya bersifat ikhlas yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami menurunkan kepada mu Al-Kor'an dengan membawa kebenaran, maka sembahlah Allah dengan memurnikan (dengan ikhlas) ketaatan kapada-Nya". (ayat 2 Surah Az-Zumar). Ini bermakna Allah telah memberi petunjuk kepada Baginda ka-arrah jalan yang lurus didalam semua perkara dan supaya kelakuan, perchakapan, dan perbuatan-nya tertentu kapada Allah. Begitulah Nabi Muhammad s.a.w. di-suruh sapanjang hidup-nya, ini-lah dia sifat ikhlas yang diperintahkan Allah kapada orang2 Mukmin. Firman Allah yang bermaksud: "Pada hal mereka tidak di-suruh kechuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan (mengikhlaskan) ketaatan kapada-Nya di-dalam menjalankan ugama dengan lurus dan supaya mereka mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan yang demikian ini-lah ugama yang lurus."

Sifat ikhlas ini sangat di-perlukan dalam membuat apa2 pekerjaan baik pada diri sendiri, rumah-tangga, masyarakat dan juga negara. Jika keikhlasan ini di-ketepikan dan di-belakangkan neschaya semua pekerjaan itu

akan terpisong, di-mana akan timbul perasaan tidak puas hati. Mementingkan diri sendiri dan bekerja untuk sa-suatu yang di-hajati-nya saja.

Perlu kita ingat bahawa sa-tiap kerja yang kita buat dan kerjakan dengan hati yang ikhlas ini-lah yang lebeh sempurna dan beroleh kejayaan yang chemerlang. Kerana semua pekerjaan tidak akan berchahaya dan di-kira melainkan apabila di-sertakan dengan niat yang baik dan ikhlas. Sabda Rasulullah s.a.w.; yang bermaksud: "Bahawasanya Allah tidak melihat kapada bentok kamu dan rupa kamu tetapi Allah melihat apa yang di-dalam hati kamu".

Maka di-hari dan masa negara kita yang sedang membangun dan menuju ka-arrah kemerdekaan ini, maka sifat ikhlas ini-lah yang mesti kita pupuk dan semai dengan sa-subor2-nya. Kerana tiada keikhlasan-lah yang banyak menyebabkan negara di-dunia hanchur musnah, dan mengalami porak-peranda sa-bagaimana yang dapat kita dengar masa ini.

Firman Allah dalam Surah Al-Haj ayat 40-41 yang bermaksud: "Sa-sungguh-nya Allah pasti menolong orang yang menolong ugama-Nya. Sa-sungguh-nya

Allah benar2 Maha Kuat lagi Maha Perkasa, ia-itu orang2 yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi neschaya mereka mendirikan sembahyang menunaikan zakat menyuruh berbuat yang ma'aruf (baik) dan menchegegah dari perbuatan yang munkar dan kapada Allah-lah kembali segala urusan".



"BONGKAK"

TERSEBUT-LAH cherita orang yang susah hidup-nya, ia memerlukan banyak pertolongan dari kawan2 dan sahabat2-nya. Ia berbuat kebaikan, berbichara dengan sopan-santun dan berkelakuan dengan budi pekerti yang manis di-pandang mata. Orang ini berchita-chita untuk memperolehi kemuliaan dan kesenangan hidup, dan chita2-nya itu akhir-nya terchapai dengan pertolongan dan restu dari kawan2-nya. Tetapi manakala ia telah berada di-punchak ketinggian segala kawan2 yang pernah memberi pertolongan kapada-nya di-buat-nya saperti tidak pernah mengenali mereka. Kelakuan-nya pun turut berubah dan pertuturan-nya pula menjadi tinggi dan angkoh.

Di-tinjau dari sikap orang ini, maka ia-nya kita katakan bersikap sombong, lupa kapada orang yang pernah berbudi kapada-nya yang mana sama saperti 'kachang lupakan kulit' atau 'lepas jambatan tongkat pun hilang'. Demikian gambaran orang tersebut.

Bersikap sombong atau bongkak dan melupakan jasa baik yang pernah di-berikan orang kapada-nya sudah chukop menunjukkan sa-seorang itu rendah budi pekerti-nya dan hina kehidupan-

nya, sedangkan sa-tenengah makhlok yang tiada berakal lagikan tahu membalas jasa tuannya, ini kan pula manusia yang tajam pemikiran-nya. Orang yang saperti ini kadang2 di-dapati dalam masyarakat, mereka akan berbuat baik jika berhajat kapada sa-suatu. Tutor kata-nya begitu manis saperti madu, sa-hingga orang yang mendengar akan jatuh tersungkor dibawah kaki-nya. Tetapi apabila kehendak hati-nya telah dapat di-penuhi, maka kata2 yang manis ibarat madu akan berubah menjadi pahit sa-pahit hempadu. Yang demikian baru-lah si-pendengar tadi mengerti bahawa itu-lah sa-benarnya manusia yang pura2 hidup-nya.

Apabila nilai kehidupan sa-seorang itu kian meningkat, harta dan kekayaan-nya kian bertambah maka pembersehan roh dan jiwa dari segala kekotoran perlu-lah di-pergandakan supaya ia sentiasa menyedari akan hakikat kejadian diri-nya sendiri. Jika ia lupa akan hakikat diri-nya sendiri dan lupa kapada Maha Penchipta sekalian alam, maka akan berubah-lah pandangan hidup-nya. Lupa-lah ia pada darat dan laut yang membebankan kemewahan hidup kapada-nya sa-hingga membawa ka-

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 2hb Januari, 1980 hingga ka-hari Selasa 8hb Januari, 1980 ada-lah saperti dibawah ini:—

Hari Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
2hb Jan	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
3hb Jan	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
4hb Jan	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
5hb Jan	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
6hb Jan	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.13	6.31
7hb Jan	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.13	6.31
8hb Jan	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.13	6.31

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Bingkisan minggu ini

lok yang di-chipta-Nya.

Sa-seorang itu haruslah sadar bahawa tiada perbedzaan yang terdapat antara sa-sama manusia pada sisi Allah, tapi yang hanya berbedza ia-lah amal ibadat serta ilmu yang menentukan nilai2 sa-seorang itu. Dari segi penchiptaan dan kejadian, manusia juga ada-lah sarupa ia-itu bergantung kapada kudrat dan iradat dari Allah. Sa-terus-nya, manakala manusia itu di-korbankan chara penghidupan yang baik atau sa-balek-nya sa-mata2 atas kehendak Allah yang menentukan-nya. Menyedari hakikat ini tidak ada sa-seorang pun yang mungkin berani mendabek dada andaikata ia tahu bahawa segala kemewahan dunia ada-lah pinjaman yang di-amanahkan oleh Allah kapada hamba2-Nya. Dan sa-tiap yang berupa pinjaman itu pasti akan di-kembalikan a t a u akan di-tarek kembali apabila sudah tiba masanya.

Oleh yang demikian berhati-hati-lah dalam menjaga amanah yang di-amanahkan itu kerana takut kapada kerugian sa-benar-nya yang akan menimpa kita.

J-kuasa sambutan Maulud

BANDAR SERI BEGA- WAN. — Perarakan bagi menyambut hari keputeraan junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. akan di-adakan serentak di-seluruh negeri pada 30hb Januari ini.

Ini telah pun di-putuskan dalam satu mashuarat bagi melantek ahli2 jawatankuasa tertinggi sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang telah berlangsung baru2 ini di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini.

Mashuarat tersebut telah di-hadiri oleh Pegawai2 Kanan Kerajaan dan telah di-pengerusikan oleh Pe-

mangku Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Hj Ibrahim.

Ahli2 jawatankuasa sambutan bagi tahun ini diketuai oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Hj Mohd. Zain bin Haji Seruddin berserta Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan dan Pegawai Daerah Brunei/Muara selaku Timbalan Pengerusi.

Pegawai2 Daerah masing2 akan mengepalai jawatankuasa2 bagi daerah masing2.



PESERTA2 kursus yang di-hormati sekalian, saya mengucapkan shabas dan tahniah kepada tuan2 dan puan2 kerana kelangsungan kursus ini. Sa-jauh mana ia berfaedah, sa-benar-nya dari mula-nya lagi telah di-harapkan kepada tuan2 dan puan2 untuk menentukan-nya, dalam erti-kata mengambil kemunfa'atan daripada-nya. Saya tidak ragu menga-takan-nya sa-bahagian terbesar tuan2 dan puan2 telah menunjukkan minat yang baik bagi mendapat kemunafa'atan-nya itu dengan rasa tanggung-jawab yang munasabah. Kerana itu tidak ada sebab kursus sa-lama empat hari ini tidak berfaedah, dan alhamdulillah saya dapat-

lah menyebutkan faedah2-nya itu antara-nya saperti berikut:—

1. Mengenai perkara Keamanan dan Keselamatan, tuan2 dan puan2 telah menda-pat maalamat bahawa kita di-negeri ini mempunyai undang2 yang di-sebut Public Order Enactment 1962 yang meliputi segala kawalan terhadap kesalah-an khas berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman. Antara kandungan-nya tuan2 dan puan2 di-fahamkan bahawa ada-lah menjadi satu kesalahan di-bawah section 18 undang2 ini perbuatan2 memalukan atau menchemarkan nama baik sa-seorang baik dengan apa chara pun termasuk-lah chara bertulis saperti surat2 layang.

2. Dari perkara keamanan dan keselamatan juga, tuan2 dan puan2 telah di-beritahu ba-hawa kita di-negeri ini ada sedia dengan undang2 yang me-nganggap sa-bagai satu kesalah-an perbuatan yang di-sebut rasuah samada memberi atau pun menerima-nya, ia-itu terkandung dalam undang2 Penal Code, Section 61.

3. Dari perkara keamanan dan keselamatan juga, tuan2 dan puan2 telah di-beri maalom bahawa kesalahan kerana surat2 layang boleh juga di-kenakan di-bawah undang2 Perintah Dharurat kalau sekira-nya kandong-an surat2 layang itu menyen-toh dan boleh menjejaskan keselamatan atau mengandongi unsur2 subversif.

4. Dari perkara Taraf Peme-rintahan Negeri Brunei Sa-Pan-jang Perjanjian2-nya Dengan Great Britain, tuan2 dan puan2 di-beri ketegasan yang negeri kita ini bukan-lah negeri jajahan, sebab itu kemerdekaan yang akan di-perolehi pada penghujung tahun 1983 nanti bukan-lah dalam ertikata kita terlepas dari belunggu penjajah dalam ertikata undang2, tetapi ia-lah dalam maana kita meng-ambil aleh semula tanggung-jawab hal ehwal kenegaraan sa-penoh-nya dari Inggeris, yang orang2 kita sa-panjang pe-ngalaman menerusi perjanjian2 dengan Great Britain telah me-minta di-lakukan bagi kepen-tingan negeri ini. Mulai akhir 1983 itu nanti kita-lah orang2 Brunei akan mengendalikan tanggung-jawab2 yang pernah di-minta di-tanggung oleh Kerajaan Great Britain itu. Kita tidak menolak ada-nya 'speku-lasi' berhubung dengan kedu-dokan dan taraf negeri ini sa-panjang perjanjian2 yang di-buat dengan Great Britain itu. Soal-nya: terserah-lah kepada kita selaku orang2 yang chinta-negeri dan maruah kita bagi menentu dan memastikan yang kita tidak di-pengaruhi oleh 'spekulasi' politik yang di-permainkan oleh orang2 politik. Tegas-nya! kita pastikan-lah bahawa sa-jauh mana muslihat dan kepentingan kita akan ter-jamin baik, hanya sa-mata2 menurut gelombang spekulasi, pada hal priority atau keutama-an yang kita mesti usahakan ia-lah kita hendak-lah menja-min proses menuju tahun 1983 itu berjalan dengan baik, lichen dan terator. Jangan sa-kali2 kita di-perdayakan untuk sa-kali lagi membantutkan atau



Ketua Pegawai Penerangan
Awang Haji Badaruddin bin
Pengarah Haji Othman.

menghayalkan pertubohan dan perkembangan2 negeri ini dalam mencapai semua kemerdekaan dan kedaulatan yang chuma pernah kita wak-ilkan, bukan kita serahkan itu.

5. Dalam perkara sivik, keseda-ran-nya dan penyaloran-nya kepada murid2 sekolah, tuan2 dan puan2 telah mendengar dan sama2 ber-bincang mengenai-nya dalam satu forum di-achara kursus ini. Kita sama2 me-ngambil kesimpulan bahawa pengetahuan sivik sama penting-nya dengan mensementakkan kesedaran tanggung-jawab sivik. Sa-bagai guru, tuan2 dan puan2 sendiri berkesimpulan tidak-lah terhad peranan pada menimbul-kan tanggung-jawab sivik itu menerusi mata pelajaran-nya yang khas, di-dalam bilek2 dar-jah yang memang terbatas, tetapi ia-lah dengan sentiasa mencontohkan-nya kepada murid2 melalui amalan dan pimpinan.

Saya sunggoh2 bangga de-ngan pendapat2 sa-bahagian peserta dalam forum tempo-ri hari. Saya yakin mereka sedar dan serious dengan apa2 yang mereka bentangkan itu sa-bagai tanda2 kemahuan untuk sama2 mengasoh diri dan orang ramai berkesedaran sivik.

6. Sa-lain perkara2 dalam bidang2 itu, faedah2 yang tuan2 dan puan2 perolehi ia-lah juga pengalaman menerusi latehan2 amali dalam perkara ibadat. Sesunggoh-nya ini tidak kurang penting dan mustahak pada menimbulkan sa-macham suasa-na dan chara hidup yang di-hajati pembentokan-nya bagi kesejahteraan kita semua.

Maka, sa-telah mendapat maalamat2 dan penegasan2 serta pengalaman2 sedemikian itu terserah-lah kepada tuan2 dan puan2 mengolah-nya bagi di-tingkatkan pada diri sendiri dan di-kembangkan serta di-sebarkan kepada orang ramai menerusi keupayaan masing2. Yang penting dan selalu-lah di-asoh di-belai ia-lah kita ini ada-lah sa-bahagian daripada negara. Kita mungkin bera-chachat hati oleh sa-suatu sebab mengenai hal ehwal Kerajaan tetapi pastikan-lah kita jangan sama sa-kali mencha-chatkan negara. Kita mungkin dan biasa bersentimen menge-nai sa-suatu dan terhadap sa-suatu dalam hal ehwal Kerajaan, tapi pastikan-lah sentiment kita itu munasabah dan sama sa-kali tidak akan menchachat-kan negara yang kita di-takdir-kan Allah mempunyai-nya dan menjadi sa-bahagian daripadanya serta di-tuntut setia, ikhlas bagi keutuhan-nya dan bagi penchapaian matalamat2-nya.



SA-BAGIAN dari gambar2 di-ambil sa-masa s Sivik Guru2 Sekolah2 Rendah Sa-i, yang baru lalu. Antara-nya kelihatan tia Usaha Kerajaan Brunei, Pehin Orang Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Aziz, sedang menyampaikan sijil, sa-sa-telah penutupain rasmi, (paling atas). Peramah amali menyempurnakan mayat ar atas); Majlis Ramah-Mesra dengan Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul r Pengiran Haji Ali (gambar kanan) menunaikan sembahyang fardhu Maghrib aah, sa-belum majlis ramah-mesra di-ngkan. Gambar2 bawah dan kanan bawah ia-lah awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa ulaiman, mewakili YTB Penaschat Uom ah DYMM, bersama2 jemputan dan pe-nenunaikan sembahyang fardhu Maghrib aah, sa-belum melaksanakan perasmian. Pemandangan di-dewan makan dan mendengar kuliah suboh.



PIALA SHELL

PASOKAN BOLASEPAK BRUNEI "B" JOHAN BELIA ANTARA DAERAH



Untuk menentukan kedudukan2 johan dan naib johan dalam pertandingan itu, pengadil telah menambah masa 30 minit, bagi meneruskan pertandingan tersebut yang berakhir dengan pasukan Brunei "B" dapat lagi menjangkau satu gol dan pertandingan berakhir dengan Brunei "B" dapat menewaskan Temburong "B" dengan 2-1.

Pasukan Brunei "B" telah menjadi johan Piala Shell tahun ini sementara pasukan Temburong "B" adalah sa-bagai Naib Johan.

Salah seorang yang menjadi Jawatankuasa pertandingan itu, ketika di-minta pendapat beliau mengenai mutu pertandingan bolasepak belia2 20 tahun ka-bawah antara daerah itu menjelaskan bahawa pertandingan yang telah di-tunjukkan oleh pemain2 muda itu bolehlah di-katakan semakin baik. Sebab-nya, ada empat lima orang pemain2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu mengandungi pemain2 pilihan dari pasukan yang di-jangka akan bertanding dalam pertandingan bolasepak antara penuntut2 yang berumur 18 tahun ka-bawah yang telah di-asoh dan di-pilih oleh Jabatan Pelajaran.

Bagaimana pun, Pelita Brunei di-beritahu pemergian pemain bolasepak Brunei yang berumur 18 tahun ka-bawah yang di-jangka mengambil bahagian dalam pertandingan bolasepak penuntut2 Asia di-Bangkok itu, terpaksa di-batalkan di-sebabkan sesuatu hal yang tidak dapat di-elakkan buat sementara waktu.

Menurut juruchap itu lagi, kemungkinan ada di-antara pemain2 belia 20 tahun ka-bawah yang bertanding antara daerah itu akan dapat di-masukkan menjadi pemain Bolasepak Kebangsaan Brunei, pada masa akan datang — ini juga salah satu sebab menunjukkan mutu permainan anak2 muda kita semakin baik.

GADONG. — Kesebelasan pasukan Brunei "B" telah menyandang Johan Bolasepak Piala Shell, sa-telah menewaskan kesebelasan pasukan Temburong "B" sa-bagai Naib Johan dalam pertandingan liga bolasepak belia berumur 20 tahun ka-bawah antara daerah, yang telah di-langsungkan di-Stadium Hassanal Bolkiah Pulis Diraja, sini baru2 ini. Pertandingan liga bolasepak antara daerah2: Brunei, Tutong, Belait dan

Temburong itu ada-lah tajaan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan di-anjurkan oleh Persatuan Bolasepak Amatir Brunei atau rengkas-nya BAFA.

Ini merupakan pertandingan yang pertama kali Piala Shell di-pertandingkan dan akan menjadi pertandingan tahunan untuk merebut Piala Shell sa-bagai piala rebutan bagi belia2 yang berumur 20 tahun ka-bawah.

Dalam permainan sa-pa-

roh masa pertama, pasukan Brunei "B" telah menjangkau gol yang pertama dalam kira2 20 minit dalam sa-paroh masa pertama. Kemudian di-balas pula oleh pasukan Temburong satu gol yang telah di-jaringkan oleh Awang Khairul Laili Haji Majid. Ini menjadikan kedudukan pasukan 1-1.

Dalam masa sa-paroh masa kedua, kedudukan pasukan2 itu masih seri 1-1 hingga-lah pengadil meniup whisel penamat.



GAMBAR atas kelihatan Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang Peter Everett, sedang di-perkenalkan kepada pemain2 sa-jurus sa-belum pertandingan itu di-mulakan.

Pengenalan: Pasukan yang berbaju cerah ia-lah Pasukan Brunei "B" dan berbaju putih Pasukan Temburong "B". Kelihatan di-belakang mengiringkan Pengarah Urusan itu ia-lah Pengiran Idriss ibni Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohammad.

Lain2 gambar kiri ia-lah pemain2 kedua pasukan dan kiri yang paling dekat ia-lah jaringan pertama oleh Abdul Rahman bin Badar dari pasukan Brunei "B" dalam sa-paroh masa pertama. Bagaimana pun kedudukan seri 1-1 dalam sa-paroh masa pertama itu di-mana pasukan Temburong telah dapat membalas-nya.



Sepaktakraw Tiga Regu Sa-pasokan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlawanan sepaktakraw tiga-regu sa-pasokan bagi merebut oskar Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Yusof, akan di-adakan pada awal bulan Februari, 1980 depan.


Perlawanan itu ada-lah projek sulung Persatuan Sepaktakraw Negeri Brunei rengkas-nya PESTA BARU dan ia-nya terbuka kepada persatuan2, kelab2, jabatan2 Kerajaan dan firma2 di-seluruh negeri.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dengan berhubung terus atau menulis kepada Che'gu Tuah Nordin, Bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan; Pengiran Metassan Pengiran Bakar, Jabatan Peranchang Bandar dan Desa, Bandar Seri Begawan atau Che'gu Mokti Abdul Ghani, Sekolah Melayu Dato Ahmad, Kampung Ayer, Bandar Seri Begawan.

Borang2 penyertaan itu hendak-lah di-kembalikan sa-lewat2-nya pada 6hb Rabi'elawal, 1400 bersamaan dengan 24hb Januari, 1980 jam 4.00 petang.



GAMBAR atas upacara mengibarkan bendera negara2 yang mengambil bahagian dalam Persidangan Pengurusan Lathan2 Kebangsaan dan Antarabangsa Pengakap bagi Asia Pacific, yang telah di-langsungkan di-Filipina pada 12hb hingga 17hb Nobember, 1979 yang lalu. Kelihatan wakil Pengakap Brunei, Awang Damit bin Haji Chuchu sedang menunggu sa'at2 bersejarah bendera Negeri Brunei di-kibarkan. Gambar kiri menunjukkan Awang Damit sa-waktu mempengerusikan kumpulan membincangkan pengurusan lathan2 kebangsaan dan antarabangsa pengakap. — Gambar2 chsan Awang Damit Haji Chuchu.



GAMBAR atas menunjukkan kawasan tanaman sayur2an yang di-usahakan sementara gambar kiri pula menunjukkan sa-orang peserta projek tersebut mengutip hasil tanaman-nya.

Istiadat Perasmian M.M.N.

Dari muka 1

1979 dan tahun depan insha Allah ada-lah bertambah dengan banyak-nya dari tahun2 sa-belum ini.

"Dengan kemakmoran yang di-korbankan oleh Allah kepada kita di-Negeri Brunei ini, Alhamdulillah, kita sa-lama ini telah dapat mengusahakan berjenis-jenis projek perkembangan dan kemajuan", titah Baginda.

Ini titah Baginda, terkandung-lah rancangan penanaman padi besar-besaran, projek pembinaan jalan raya, bekalan ayer dan tenaga elektrik, kemudahan2 talikom termasuk hubungan satelit, kesihatan dan perubahan serta pelajaran.

Istiadat perasmian Majlis Mashuarat Negeri bagi musim permashuaratan yang ke-17 pagi itu telah di-dahului dengan pengesahan minit2 mashuarat tahun lalu dan mengangkat sumpah bagi Awang Abdul Rahman bin Abdul Kani sa-laku Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis2 Mashuarat.

Sa-lepas itu upacara diikuti dengan barisan kehormatan di-perkarangan Lapangan yang turut di-hadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat Majlis Mashuarat Diraja, Majlis Mashuarat Pertahanan dan Majlis Mengangkat Raja serta Majlis Mashuarat Negeri.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ka-Istiadat tersebut telah di-sambut dengan lagu Allah Selamatkan Sultan oleh Pasukan Pencharagam Pulis Diraja Brunei yang kemudiannya Baginda Yang Dipertuan di-junjung oleh pemerintah perbarisan ASP Abdullah bin Ishak untuk memereksa barisan kehormatan yang terdiri dari ang-

gota lelaki dan wanita Pulis Diraja Brunei.

Turut berangkat ka-Istiadat itu termasuk-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal, Pemangku TYT Pesuruhjaya Tinggi British, pembesar2 negara dan lain2 pegawai kanan kerajaan.

Penjelasan Menteri Besar

YANG AMAT BERHORMAT Menteri Besar. Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, memberitahu Dewan Majlis bahawa Kerajaan sememangnya mengetahui kejadian penyeludupan yang berlaku di-sempadan antara negeri ini dengan negeri jiran. Tetapi ia-nya tidaklah seberapa untuk di-ambil tindakan.

Yang Amat Berhormat menyatakan demikian ketika menjawab salah satu dari soalan mulut yang di-beri notis sa-banyak 27 soalan dari Ahli Yang Berhormat yang di-lantek.

Mengenai dengan soalan tambahan yang di-timbulkan berhubung dengan langkah menaikkan harga bayaran letak kereta; Yang Amat Berhormat itu mempersilakan Ahli Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kasuma Awang Haji Ali bin Ismail supaya menandatangani jalan yang lebih baik untuk mengatasi masalah itu. Akan tetapi, jelasnya, Kerajaan sa-jauh ini memikirkan yang langkah

KAMPONG SUKANG. — Pada lazim-nya para penduduk di-Mukim Sukang berharap kapada tumbuh2-an liar untuk memperoleh sa-bahagian besar dari bekal saor2an yang mereka perlukan dalam makanan harian mereka. Keadaan ini nampak-nya akan berubah dengan berjalan-nya projek penanaman saor2an beramai2 yang di-usahakan oleh 24 orang kaum wanita Dusun, Iban dan Punan dari Kampong2 Sukang dan Dungon di-sa-buah kawasan yang terletak tidak jauh dari Rumah Panjang Kampong Sukang.

Projek tersebut yang ketika ini mempunyai keluasan 1½ ekar dan mengandungi tanaman2an seperti timun, kacang panjang, sikoi, kacang tanah, jagong dan ubi manis, telah

mula berjalan pada bulan April tahun lalu. Projek tersebut ada-lah merupakan hasil dari dorongan tunjok ajar dan panduan dari pegawai2 pengembangan pertanian dan pegawai Perusahaan Kampong yang bertugas di-Jabatan Pertanian Daerah Belait.

Dalam pelaksanaan projek Jabatan Pertanian telah memberikan berbagai2 jenis bantuan yang terdiri dari bahan2 ladang seperti baja, benih, rachun2 musoh

dan obat2 penyakit tanaman, dan juga perkhidmatan2 jentera pembajak dan jentera pam ayer.

Satu perkara yang menarik dalam pelaksanaan projek tersebut ia-lah berupa gabungan tenaga para peserta sa-chara formal melalui penubuhan jawatankuasa yang terdiri dari Yang Dipertua — Dayang Zaitun DMS Dian, Setiausaha — Dayang Runai Embun, Bendahari — Dayang Puyu Libau, Ahli2 — Semua pe-

serta2 lain. Dua orang Pemereksa Kira2 juga di-lantek yang terdiri dari Dayang Rimbu Makam dan Dayang Zubaidah Unchat.

Sa-takat ini sa-bahagian besar dari hasil2 projek ada-lah di-gunakan sendiri oleh ahli2 keluarga para peserta dan yang baki-nya di-jual kapada sekolah dan orang2 persendirian. Wang yang di-hasilkan dari jual-an2 ada-lah di-simpan oleh Bendahari.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 27hb Disember, 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. PUSU KERING — \$4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Leong Soon Huat,
No. 1, Jalan McArthur.
2. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Teck Hin,
No. 56, Jalan Sultan.
b) Leong Huat,
No. 57, Jalan Sultan.
3. KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Chin Seng,
No. 107, Jalan Chevalier,
b) Kim Seng Choon,
No. 91, Jalan Chevalier.
c) Ghee Guan,
No. 4, Jalan Chevalier.

KUALA BELAIT

1. PUSU KERING — \$4.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty.
2. LADA KERING — \$3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —

Chin Fatt,
No. 60-B, Jalan Pretty.

3. KACHANG TANAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty.
b) Teo Hing Hng,
No. 45, Jalan Pretty.

SERIA:

1. PUSU KERING — \$4.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
2. LADA KERING — \$3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Poh Sing,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
b) A. Muhammed,
No. 66, Jalan Bunga Kenanga.
3. KACHANG TANAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Yuan Ho Hing,
No. 49-B, Jalan Bunga Kuning,
b) Haji C. A. Mohammed,
No. 51, Jalan Bunga Kuning,

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 2hb hingga 8hb Jan. 1980

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	2.1.1980	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	2.1.1980	Rabu	9.45-10.45
Sekolah Melayu Masin	2.1.1980	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	5.1.1980	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	5.1.1980	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	5.1.1980	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	7.1.1980	Isnin	2.00- 3.00 "
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	7.1.1980	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	8.1.1980	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak	8.1.1980	Selasa	10.30-11.30 "

KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

Anggota Pasokan Pencharagam dan Bomba


1. Menerima salah satu daripada dua tangga gaji :
 - a. Ahli yang belum terlatah Tangga 'B' — \$473.
 - b. Ahli terlatah Tangga 'A' — \$490.
 Kedua2 tangga gaji ini tidak termasuk elauan chatuan — \$162 sa-bulan.
2. Mengikut lathen asas tentera sa-lama 25 minggu di-Pusat Lathen.
3. Menjalani kursus2 tempatan dan luar negeri bagi melayakan diri di-bidang2 kerjaya tersebut.
4. Menerima elauan2 kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kepada anggota2 pasokan.
5. a. Kenaikan pangkat mengikut kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
- b. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.
- c. Bidang kerjaya ini mempunyai peluang baik untuk mendapatkan pekerjaan di-luar apabila meninggalkan pasokan.

SHARAT KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong daripada salah satu dari tujuh puak jati

Melayu : Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

2. Pemohon2 yang menjadi Warga Negara Brunei yang tidak tergolong kepada salah satu daripada tujuh puak jati Melayu yang beragama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi syarat2 kemasokan.
 3. Bujang.
 4. Berbadan sehat — Ukoran dada 34 inci (Ahli Bomba).
 5. Berumur 17½-25 tahun.
 6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 2 inci (Ahli Bomba).
 7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
 8. Mempunyai Sijil SRP/BJCE.
- Datang-lah ka-alamat di-bawah untuk mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kepada :
- PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
BOLKIAH KEM, BRUNEI
Talipon 23531 sambongan 01 atau 02.**



ANGGOTA PERTUKANGAN JURUTERA

OLEH kerana ada-nya sistem senjata2 moden yang di-gunakan, Pasokan ini sangat2 memerlukan rekrut2 yang sesuai untuk di-lathen sebagai Ahli Pertukangan Kejuruteraan.

Rekrut2 ini akan menerima lathen akademik dan peralatan di-Brunei, Singapura dan United Kingdom. Sa-lepas menamatkan lathen akan bertanggung-jawab untuk memelihara dan membaiki alat2 pertempuran yang kompleks seperti helikopter, kapal2 peluru berpandu, kereta2 kebal, penangkis kapal terbang yang berpandu, senjata meriam yang sedang atau yang akan di-gunakan di-dalam AMDB.

Sa-bagai penghargaan di-atas kelayakan2 ini, mereka ini akan menerima gaji pertukangan khas mengikut kebolehan. Sa-lain dari itu mereka juga akan menerima semua elauan2 dan faedah2 yang lazim-nya di-terima oleh soldadu2 yang berkhidmat di-AMDB seperti, elauan chatuan dan lain2.

KELULUSAN YANG DI-KEHENDAKI

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari raayat Kebawah DYMM Sultan dan berumur di-antara 17½ dan 25 tahun dan terdiri daripada Bangsa Melayu ia-itu dari puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

Berikut ada-lah kelulusan yang di-kehendaki :

- a. Untuk Ahli Pertukangan Teknik. (Marine Artificer, Radio dan Radar Tekneshen, Tekneshen Kapal Terbang dan lain2). Lulus Sijil Pelajaran Brunei peringkat biasa di-dalam Ilmu Hisab, Ilmu Fizik (atau Ilmu Sain) dan Bahasa Inggeris.
- b. Untuk Ahli Pertukangan Artisan. (Mekanik Kenderaan, Pembaiki senjata Mekanik kapal terbang dan lain2). Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei termasuk Ilmu Hisab, Ilmu Sain dan Bahasa Inggeris.

Jiwa AWANG2 berminat dalam mempelajari salah satu pertukangan yang membawa kepada kerjaya yang menggembirakan sa-bagai pertukangan jurutera di-AMDB, penohkan borang permohonan di-bawah dan alamat kepada :

**PEGAWAI PENGAMBILAN REKRUT
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
BOLKIAH KEM, BRUNEI
Talipon 23531 sambongan 01 atau 02.**



PEGAWAI BERTAULIAH AMDB DI-KEHENDAKI

ASKAR Melayu Diraja Brunei menawarkan pemuda2 di-Brunei pekerjaan yang mencharab dan yang berharga sa-bagai pegawai biasa bertauliah dalam pasokan ini. Pasokan ini ada-lah sa-buah pasokan yang sedang berkembang dan menghendaki pemuda2 untuk di-lathen sa-bagai pegawai dalam berbagai2 bidang kemahiran, seperti Pegawai Penerbangan, Pelayaran, Persenjataan, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika Awang2 mempunyai kelayakan2 pelajaran, pasokan ini boleh membantu Awang untuk di-lathen dalam jurusan2 tersebut.

Kami yakin bahawa Awang2 akan menerima tawaran ini sa-bagai satu chabaran yang baik. Oleh yang demikian memohonlah untuk di-temuduga. Temuduga yang akan datang di-adakan dalam bulan April 1980. Awang2 hendaklah menghantar permohonan bertulis kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas dan permohonan2 hendaklah

sampai kepada-nya tidak lewat dari 31hb Januari, 1980.

Bagaimana pun, pehak kami memerlukan Awang2 memenohi syarat2 yang berikut bagi membolehkan Awang2 memasokinya.

- a. Awang2 mesti-lah di-lahirkan di-Negeri Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang terdiri daripada orang2 Melayu dari kaum jati puak2 Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
- b. Jika Awang2 bukan dari kaum jati puak2 itu, Awang2 mesti-lah beragama Islam dan menyesuaikan diri Awang2 dengan adat resam orang2 Melayu yang di-amalkan di-Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang tertaklok kepada sa-barang undang2 bertulis yang berhubung dengan kebangsaan-nya.
- c. Bahasa

1. Bagi pemohon2 yang tidak pandai berbahasa Inggeris boleh memohon, tetapi mesti-lah lulus dalam Tingkatan VI aliran Sekolah Me-

layu 1979. Keistimewaan akan di-berikan kepada Awang2 yang berjaya untuk mempelajari bahasa Inggeris.

2. Bagi pemohon2 yang pandai berbahasa Inggeris, mesti-lah lulus Tingkatan V dalam aliran Sekolah Inggeris tahun 1979.
- d. Berumur di-antara 17½ hingga 25 tahun pada 21hb Mei, 1980 dan maseh bujang.
- e. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang dari 105 paun.

Jika Awang2 di-terima sa-bagai Pegawai Kadet, Awang2 akan menjalani lathen asas tentera di-Pusat Lathen, Perkhemahan Bolkliah sa-lama enam hingga sembilan bulan. Awang2 akan di-hantar keluar negeri untuk lathen lanjutan, tertaklok kepada tamat lathen, sa-belum menerima tauliah sa-bagai seorang Pegawai di-dalam pasokan ini.

Jika Awang2 memerlukan sa-barang maklumat sila-lah berhubung terus kepada Penolong Timbalan Adjutan Agong, Askar Melayu Diraja Brunei nombor talipon 25581 sambongan 194.

KERJAYA SA-BAGAI ANGGOTA PERTUKANGAN JURUTERA, ANGGOTA PENCHARAGAM, ANGGOTA BOMBA

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh lahir : Tempat lahir :

Alamat :

Nama Warith : Hubungan :

Alamat Warith :

Nama Sekolah :

Tingkatan :

Mata Pelajaran Perengkat Biasa/Brunei Cambridge dan keputusan :

Mata Pelajaran SRPB/BJCE dan keputusan :

No. Talipon :

Tarikh : Tanda Tangan

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

1. JURUTAYANG :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 18 hingga 45 tahun dan sekurang2-nya berada dalam Tingkatan II Melayu dan Inggeris atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.
- Pemohon2 sekurang2-nya mempunyai pengalaman sebagai Jurutayang sa-lama satu tahun.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—\$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

2. PEMANDU TINGKATAN I :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu Kelas III dan atau V yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kecil.

- Pemohon2 mesti-lah boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.

Gaji :

Dalam sukatan gaji F.4-5 EB.6 — \$389-395-402-408-414-427-440 / EB / 453-465-478-491-504-516.

3. PEMANDU TINGKATAN II :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu Kelas III dan atau V yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kecil.
- Pemohon2 mesti-lah boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.

Gaji :

Dalam sukatan gaji F.3-4 EB.5 — \$357-363-370-376-383-389-395-402-408 / EB / 414-427-440.

Keutamaan akan di-beri kepada bekas perajurit Askar Melayu Diraja Brunei atau bekas anggota polis yang mempunyai pengalaman yang berkenaan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aklan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Februari, 1980.

(E/794/77 — Bil: 186/1979)

Di-Jabatan Setor dan Perbekalan, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan2 Setor2 dan Perbekalan2 Negara Brunei.

1. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN KHAS :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Chalon2 mesti-lah berumur tidak lebih dari 45 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei aliran Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama lima tahun sa-bagai Penyelenggara Setor Kanan (Penyelenggara Setor Tingkat I) dalam Penyelenggaraan Setor. Peng-

alaman dalam penyelenggaraan setor2 alat-ganti dan pembelian sa-tempat ada-lah satu kelebihan.

Gaji :

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — \$1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428-1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN II :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam kerja2 penyelenggaraan setor.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D. 2 EB.3-4 — \$446-465-485-504-523-542-561 / EB / 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931 - 956-982-1007. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III Melayu atau yang sebanding dengan-nya. Pengetahuan dalam kerja2 penyelenggaraan setor ada-lah satu kelebihan.

Gaji :

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB.4 — \$357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 / EB / 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aklan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Februari, 1980.

(E/996/75 — Bil: 188/1979)

SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE VEHICLES AND STORES

LOT 58

- Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.
- Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 10.00 a.m. 19th January, 1980.
- Tenders received after this time will be rejected.
- Vehicles and goods may be viewed in RSSD Logistics compound Bolkliah Camp until 11.00 a.m. 18th January, 1980.
- Tenders must be placed in a plain sealed envelopes. There must be no indication of the name of the tenderer.
- Envelopes must be addressed to the Chairman Tenders Board, the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Office, Bandar Seri Begawan and must be clearly marked on the top of the envelope with the Lot number (Lot 58 RBMR).
- Any tender received in an envelope not properly addressed will be rejected.
- Vehicle and goods are offered for sale "As Lying" and must be removed from present site by successful tenderer within 14 days of notification.
- The Government does not bind itself to accept the highest or any tender.

S/No.	ITEM	QTY.
1.	Truck $\frac{1}{2}$ Ton GS 4x4 L/Rover	2
2.	Trailer Water 200 Gall	2
3.	Ground Power Unit Trailer	1
4.	Battery	92
5.	Canopy L/R & B/P	32
6.	Hydraulic Fluid Replenishment RIG	1
7.	Engine Oil Replenishment RIG	1
8.	Outer Cover 185 x 14	16
9.	" " 750 x 16	191
10.	" " 700 x 14	20
11.	" " 825 x 16	18
12.	" " 825 x 17	2
13.	" " 825 x 20	2
14.	" " 900 x 16	50
15.	" " 1000 x 20	1
16.	" " 1200 x 20	31
17.	Inner Tube	51
18.	Panel Generator Assy	1
19.	Alternator	13
20.	Starter Motor	12
21.	Gear Box Assy	2
22.	Control Unit	2
23.	Fly Wheel	3
24.	Cylinder Head	1
25.	Brake Servo	2
26.	Prop Shaft	3
27.	Steering Box	1
28.	Silencer Sankey	1
29.	Steering Relay	2
30.	Steering Wheel	1
31.	Drill Ling	4
32.	Compression Tester	1
33.	Tester Set Cylinder Compression	1
34.	Oxygen Regulator	1
35.	Pen Engraving Electric	1
36.	Scrap Metal	4 Ton

TENDER NOTICE

TENDER FOR CHEMICAL CLEANING FACILITIES FOR WORKSHOP EXTENSION, FLOTILLA BASE, MUARA

- TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'A' Contractors and Specialist and Local agent of manufacturers up to 12.00 noon, 29th January 1980.
- Tenders received after the stipulated time will be rejected.
- Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR CHEMICAL

CLEANING FACILITIES FOR WORKSHOP EXTENSION, FLOTILLA BASE, MUARA".

- Tender documents may be obtained from the office of M/s. Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-29, Hong-Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours from 2nd January 1980 onwards.
- The Tender Deposit will be B\$1,000.00 (Brunei Dollars: One Thousand) in the form of Bank Draft drawn in the name

of the Government of Brunei 6. The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project Vote.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineers' Office.

- The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

No. 191 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th January, 1980 for:—

SUPPLY OF 2,000 CU. YDS CRUSHER-RUN STONE FOR BRUNEI GOVERNMENT RICE PROJECT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 192 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th January, 1980 for:—

MANUFACTURE AND SUPPLY OF 44 SETS CLASS III FURNITURE FOR E FLAT AT JALAN ISTANA, STAFF HOUSE.

ING RICE PROJECT AT LIMA MANIS AND F FLAT POLO, BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 193 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th January, 1980 for:—

MANUFACTURE AND SUPPLY OF 68 SETS OF CLASS III FURNITURE FOR STAFF HOUSING AT MILE 11 JALAN TUNONG AND POLO QUARTERS JERUDONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 194 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th January, 1980 for:—

MANUFACTURE AND SUPPLY OF 6 SETS OF CLASS II AND 3 SETS OF CLASS I FURNITURE FOR POLO QUARTERS BERAKAS, POLO QUARTERS JERUDONG AND QUARTERS AT RICE PROJECT AT LIMA MANIS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

telah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aklan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Januari, 1980.

(E/261/54/Pt. II — Bil: 182/1979)

TENDER NOTICE

EXTENSION TO THE ROYAL BANQUETING HALL, ISTANA DARUL HANA

- TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class "AX" and above contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 8th January 1980.
- Tenders received after the stipulated time will be rejected.
- Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR THE EXTENSION

TO THE ROYAL BANQUETING HALL, ISTANA DARUL HANA".

- Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the Office of Akitek Ibrahim, Akitek2 Berkanun, 201, Perdana Shopping Complex, Bandar Seri Begawan from 2nd January 1980 during normal office hours.
- The Tender Deposit will be \$500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderers but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.
- Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.
- The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi:—

- KATEGORI 3 — TAWARAN No. PCS/174-79 Membaiki dan menchat semula Situfoam 'A' bagi SSS.
- KATEGORI 3 — TAWARAN No. PCS/171-79 Membaiki dan menchat semula rumah2 papan bagi Kakitangan di-E20.
- KATEGORI 3 — TAWARAN No. PCS/172-79 Membaiki dan menchat semula rumah Situfoam 'B' yang telah di-ubah bagi SSS.

Bagi maklumat lebih lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

Brunei Shell Petroleum Co., Ltd. INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for:

- CAT 3 — TENDER No. PCS/174-79 Renovation of SSS Situfoam 'A'.
- CAT 3 — TENDER No. PCS/171-79 Renovation of E-20 staff wooden bungalows.
- CAT 3 — TENDER No. PCS/172-79 Renovation of SSS Converted Double Situfoam 'B'.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

Kerajaan mengambil berat tentang keselamatan

SETIA USAHA KERAJAAN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, mensifatkan Ahli2 Dewan Majlis telah mengeluarkan pandangan2 dan pendapat2 berlandaskan keikhlasan dan kejujuran. Bagaimana pun, katanya, terdapat juga hujah2 sabab2 bilangan kecil ahli2 Yang Berhormat itu memerlukan keterangan.

Atas keraguan mengenai dengan meninggikan taraf orang2 Melayu di-bidang ekonomi, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu menyakinkan ahli2 Dewan Majlis bahawa Kerajaan sudah pun melaksanakan usaha2 positif ka-arah itu dengan mengadakan sekim2 pinjaman. Sekim2 pinjaman itu, kata-nya, ada-lah khas untuk orang2 Melayu dan ramai yang telah mengambil bahagian di-bawah sekim itu. Apa yang di-harapkan, tambah-nya lagi, ialah orang2 Melayu sendiri hendak-lah sedar dan menumpukan sa-penoh perhatian dalam meninggikan taraf mereka di-bidang ekonomi.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan berucap demikian ketika mengulangi hujah dari ahli2 Yang Berhormat yang dilantik sa-waktu membahaskan satu usul menyebarkan ucapan menjunjung kasih ka-hadapan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-atas keberangkatan dan titah Baginda di-Majlis itu, yang mana Dewan Majlis menjunjung dengan sepenoh2nya. Usul tersebut di-luluskan dengan sa-bulat suara.

Mengenai dengan pemeliharaan keselamatan pula, Yang Berhormat itu meyakinkan ahli2 Dewan Majlis yang Kerajaan sememangnya mengambil perhatian berat dalam soal itu sa-perti mana yang telah di-titahkan oleh Baginda Yang Dipertuan.

Menyentuh tentang pengkajian yang terpaksa di-jalankan terhadap satu2 projek itu, Yang Berhormat itu sekali lagi menekankan yang ia-nya ada-lah perlu di-lakukan. Hanya dengan pengkajian, kata-nya, kejayaan satu2 projek itu akan dapat di-tentukan. Dan, ini dapat mengelakkan pembaziran dalam mana ahli2 Yang Berhormat itu sendiri bersetuju untuk mengelakkan pembaziran itu.

Mengakhiri ucapan-nya dalam mengulangi hujah yang telah di-bangkitkan oleh ahli2 Yang Berhormat yang dilantik (mewakili kawasan2), Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu juga juga melahirkan rasa kesal-nya, kerana terdapat sa-bilangan ahli2 Yang Berhormat itu sa-olah2 tidak nampak kemajuan2 yang telah ujud, dan tidak menghargai perkara2 yang telah banyak mendaratkan faedah. Kata-nya, ada ahli Yang Berhormat hanya menimbulkan perkara buruk sa-perti jalan yang berlokap2, tetapi tidak menghargai jalan2 raya yang sudah lichen.

Oleh itu, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu menyuruh ahli2 Dewan Majlis supaya lebih 'constructive' dalam mengemukakan hujah2 mereka.

Bagaimana pun, tambah Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu menghargai sa-bilangan besar ahli2 Dewan Majlis yang telah mengutarakan pandangan2 mereka begitu constructive atau membena.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiyah ketika merasmikan penubuhan dan mashuarat agong Persatuan Pembacha2 Al-Kor'an Islam (Brunei) pada hari Ahad lalu.

Usaha menubuhkan persatuan suatu amal kebajikan

Dari muka 1

niagaan serta orang2 perseorangan supaya dapat memberikan kerjasama kepada persatuan itu dengan sukarela sa-bagai amalan kebajikan demi melaksanakan projek2-nya mengikut landasan undang2 dan peratoran2 serta hukum2 Allah s.w.t.

"Kerana sifat jujur, amanah, dedikasi, tabah, sabar dan ikhlas jadikan-lah sa-bagai azimat yang akan membawa kepada kejayaan itu", sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara yang juga selaku penaong persatuan itu berharap supaya pemimpin2 dan ahli2 persatuan itu akan dapat menchurahkan

derma bakti mereka semata-mata kerana Allah.

Terdahulu dalam sabdanya, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara menjelaskan bahawa penubuhan persatuan itu bukan-lah semata-mata berhasrat untuk menjadi badan penggerak ka-arah perkembangan pelajaran Al-Kor'an bahkan sa-bagai sa-buah pertubuhan yang akan berhubung dengan mana2 pergerakan pembacha2 Al-Kor'an Antarabangsa.

Persatuan saperti itu, sabda Yang Teramat Mulia itu lagi sudah tentu merupakan suatu amal kebajikan dan amal jariah yang tiada putus2-nya bagi berbakti kepada bangsa dan agama semata-mata kerana Allah dan ia-nya sentiasa berusaha bukan sahaja untuk kepentingan diri sendiri tetapi juga demi untuk kepentingan orang lain yang berkehendakkan pimpinan serta tunjuk ajar.

Turut berucap di-majlis tersebut termasuk-lah ucha-puan alu2an dari Yang Dipertua persatuan itu, Awg

Haji Mashud bin Haji Damit dan juga ucapan nasehat Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

Dalam mashuarat agongnya yang pertama persatuan itu, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama telah di-lantik sa-bagai penasihat persatuan tersebut.

Turut hadir di-majlis tersebut termasuk-lah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin serta lebih daripada 10 orang ahli2 persatuan IQRA.

Usaha menimbulkan kesedaran t-jawab sivik perlu di-bangkitkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz menjelaskan bahawa usaha2 pada menimbulkan kesedaran sivik dan tanggung-jawab sivik sa-bagai orang Brunei terhadap Brunei, perlu-lah terus menerus di-bangkitkan dan che'gu2 ternyata beranton dapat peluang mengasah serta mempertajam kesedaran yang sa-memangnya sedia ada pada diri che'gu2 itu.

Kesedaran dan tanggung-jawab sivik itu boleh-lah di-olah lagi dengan tanggapan2 yang betul dan di-sebarkan kepada murid2 dan juga orang ramai di-mana che'gu2 itu bertugas, tambah-nya lagi.

Che'gu juga di-harapkan akan dapat menolong aspirasi2 Kerajaan supaya di-fahami baik oleh orang ramai dan bukan di-sebaliknya di-mana orang ramai terus menerus keliru tanpa pimpinan yang munasabah dari che'gu2 sekalian.

Penjelasan ini di-buat oleh Setia Usaha Kerajaan ketika menutup rasmi Kursus Guru2 Sekolah2 Rendah Sa-Negeri kali ke-II, di-Surau Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan sini, minggu lalu.

Hal tersebut, jelas-nya lagi sa-chuchok dengan prinsip ajaran agama Islam ia-itu masing2 kita sa-laku orang mukallaf bertanggung-jawab menurut saiz atau ukoran keupayaan kita terhadap hal ehwal kenegaraan, dan tentu-lah ini bermakna tanggung-jawab memahami dengan betul

dan mengembangkan fahaman yang betul mengenai hal ehwal sekitar Kerajaan di-mana kita berada di-dalam-nya.

Terdahulu dari itu Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan mengharapkan bahawa dari kesedaran dan pengalaman serta pengetahuan yang ada pada guru2 itu akan bertambah ragap hati untuk memainkan peranan sampingan sa-bagai penghubung antara Kerajaan dengan orang ramai; di-samping tugas dan tanggung-jawab asasi sa-bagai guru dan pendidik, berdasarkan status kemasharakatan Che'gu sa-bagai orang yang terpancang dan di-galati oleh masyarakat di-mana che'gu2 bertugas.

"Kita orang2 Brunei yang berasa bertanggung-jawab terhadap kebisaan negeri kita ini hendak-lah membentulkan rupa bentuk tanggung-jawab kita itu dari hanya berunsorkan sikap2 yang negatif terhadap sesuatu masalah yang di-hadapi kepada unsur sikap2 yang positif dengan membaktikan kesediaan memahami dan chuba menginsafi masalah2 kita itu sa-laku orang Brunei", tegas Yang Berhormat itu.

Sesungguhnya, unsur yang sedemikian itu-lah yang kita kekurangan sa-lama ini. Kerana itu usaha2 pada menimbulkan kesedaran sivik dan tanggung-jawab sivik sa-bagai orang Brunei terhadap Brunei perlu-lah di-teruskan atau di-bangkitkan, jelas Yang Berhormat itu dengan penoh harapan.



Y.B. Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berucap sa-jurus sa-belum menutup rasmi Kursus Sivik Guru2 Sekolah2 Rendah Seluruh Negeri pada hari Khamis lalu.

Peruntukan Jabatan2 K'jaan bagi tahun 1980

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Di-Satukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1980 berjumlah \$1,201,868,768.00 telah di-untukkan bagi semua Jabatan Kerajaan.

Anggaran belanjawan itu telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri dalam sidang-nya minggu lalu.

Antara anggaran belanjawan yang terbesas di-peruntukkan bagi tahun 1980 ia-lah Askar Melayu Diraja Brunei yang berjumlah \$288,575,525.00.

Kumpulan Wang Kemajuan tahun ini akan menerima peruntukan sa-jumlah \$250,000.00 manakala Jabatan Pelajaran sa-banyak \$114,939,073.00 dan sa-jumlah \$101,028,539.00 lagi bagi Jabatan Kerja Raya.

Wang Yang Di-Satukan sa-banyak \$88,262,590.00 juga di-untukkan bagi Perkhidmatan Rampaian, \$49,081,641.00 bagi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, \$46,501,895.00 bagi Polis Diraja dan \$42,125,819.00 bagi Jabatan Elektrik.

Sa-banyak \$27,059,003.00 kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama, \$22,640,861.00 bagi Jabatan Radio dan Talivishen, \$19,679,826.00 bagi Jabatan Penjara dan \$17,821,390.00 kepada Jabatan Perjawatan.

Jabatan Penerbangan Awam juga turut mendapat tambahan peruntukan bagi perkhidmatan sa-panjang tahun 1980 ia-itu sa-banyak \$17,430,453.00, \$15,698,767.00 bagi peruntukan kepada Jabatan Kehakiman, Jabatan Bandaran manakala Jabatan Talikom juga mendapat tambahan peruntukan yang berjumlah \$15,111,980.00.

Pejabat Daerah tahun ini akan di-peruntukkan sa-banyak \$10,489,428.00, Jabatan Pertanian sa-banyak \$9,915,970.00, Pasukan Bomba sa-jumlah \$6,585,630.00 serta Jabatan Se-

tia Usaha Kerajaan sa-banyak \$5,857,225.00.

Bagi Jabatan Perchetakan Kerajaan peruntukan juga di-sediakan sa-banyak \$4,654,081.00; \$3,856,200.00 bagi Jabatan Laut, \$3,735,999.00 bagi Jabatan Kastam dan \$3,593,955.00 bagi Jabatan Muzium.

Jabatan Ukor akan mendapat peruntukan sa-banyak \$3,565,429.00, Jabatan Pelabohan \$3,453,436.00, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka sa-banyak \$3,331,320.00, Jabatan Perkhidmatan Pos sa-banyak \$3,144,385.00 dan Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan sa-banyak \$2,562,925.00.

Untuk Jabatan Setor dan Perbekalan Negara peruntukan akan di-berikan sa-banyak \$2,555,497.00, Jabatan Perbendaharaan sa-banyak \$2,252,383.00, Jabatan Adat Istiadat sa-banyak \$2,154,618.00 dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sa-banyak \$1,946,350.00.

Jabatan Tanah di-peruntukkan sa-jumlah \$1,832,656.00, Jabatan Perikanan sa-banyak \$1,428,923.00, Majlis Mashuarat Negara sa-banyak \$1,317,664.00, dan peruntukan sa-banyak \$1,148,530.00 bagi Jabatan Kehutanan serta \$1,109,459.00 kepada Jabatan Obit dan sa-banyak \$1,005,610.00 kepada Jabatan Pengangkutan Darat.

Sa-banyak tujuh buah Jabatan Kerajaan yang menerima peruntukan kurang dari satu juta ringgit ia-itu \$770,970.00 kepada Jabatan Kehakiman, \$725,097.00 bagi Jabatan Perpindahan, \$706,662.00 bagi Jabatan Buruh, \$675,940.00 bagi Jabatan Undang2, \$597,327.00 bagi Jabatan Surohjanja Perkhidmatan Awam, \$494,975.00 kepada Jabatan Kemajuan Kerjasama dan \$442,762.00 bagi kepada Jabatan Peranchang Bandar dan Desa.